



JAWHAR

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

LAPORAN TAHUNAN 2015



Bangunan Rumah Perlindungan
Wanita Taman Perling (JAWHAR-MAIJ),
Mukim Pulai, Johor Baru

Bersama Membina Tamadun Ummah

SIDANG PENGARANG

PENAUNG:

YBHG DATUK HAJI ANAN BIN C MOHD
Ketua Pengarah

PENASIHAT:

YBRS TN AHMAD MUSADAD BIN HJ SULAIMAN
Timbalan Ketua Pengarah

KETUA PENGARANG:

TN HJ MOHD BAKRI BIN IBRAHIM
Pengarah Penyelidikan Dan Kerjasama Antarabangsa

PENOLONG PENGARANG:

1. TN HJ ABDULLAH BIN HJ ABDUL RAHMAN
Ketua Penolong Pengarah Penyelidikan
2. PN SITI ZAIDA BINTI MAHMOD
Penolong Pengarah Penyelidikan 1
3. PN MARZIANA BINTI MAT HASSAN
Penolong Pengarah Penyelidikan 2

URUS SETIA PENERBITAN:

(BAHAGIAN PENYELIDIKA DAN KERJASAMA ANTARABANGSA)

1. EN. SAIFOL ISKANDAR BIN MD. KASIM
2. PN. NOOR AZURA BINTI ZAINAL
3. EN. AZIZI BIN SALLEH
4. PN NOR FAZILAH BINTI WAHAB

Sidang Pengarang merakamkan sekalung penghargaan kepada **semua warga JAWHAR** di atas sumbangan dan kerjasama menjayakan penerbitan Laporan Tahunan JAWHAR 2015

KANDUNGAN

PERUTUSAN:

Sekapur Sireh
Seulas Pinang

MAKLUMAT KORPORAT:

Sejarah Jabatan
Profil Jabatan
Carta Organisasi
Warga JAWHAR
Penghargaan Perkhidmatan

LAPORAN PRESTASI KEWANGAN

LAPORAN PERKHIDMATAN TERAS UTAMA

Bahagian Wakaf
Bahagian Baitulmal
Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa

LAPORAN PERKHIDMATAN BAHAGIAN SOKONGAN

Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia;
• Seksyen Pengurusan dan kewangan
• Seksyen Teknologi Maklumat
Unit Integriti dan Komunikasi Korporat

PEMBANGUNAN SISTEM DAN PORTAL

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

CERITERA JAWHAR

Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
PUSPANITA
Kelab Kebajikan Dan Sukan Jawhar (KKSJ)
Program JAWHAR
Penerbitan JAWHAR
Informasi Media JAWHAR
Peristiwa 2014
Penyandang Ketua Pengarah JAWHAR

MENGENALI DIRI

Hadis

Daripada Abu Hurairah r.a. berkata Rasulullah s.aw. bersabda;
Maksudnya: " Lihatlah kepada orang yang lebih rendah daripada kamu, dan janganlah melihat kepada orang yang lebih tinggi daripada kamu. Yang demikian itu adalah lebih baik untuk tidak meremehkan nikmat Allah yang dikurniakan kepadamu."

Takhrij Hadis

Hadis sahih ini Muttafaq 'alaih. Dikeluarkan oleh Imam al-Bukhari 6125 dan Muslim 8 dan 9. Lafaz hadis ini oleh Imam Muslim.

Pengajaran Hadis

Amr bin Syu'aib daripada ayahnya, daripada datuknya berkata: Nabi s.a.w bersabda yang bermaksud:

"Dua jenis sifat, siapa yang memiliki kedua-duanya maka dicatat di sisi Allah sebagai *ahlu syukur* (golongan yang bersyukur) dan sabar. Pertama, jika ia dalam hal agama selalu memperhatikan orang yang lebih tinggi untuk meniru dan mengikutinya, dan dalam hal dunia selalu melihat kepada orang yang lebih rendah daripadanya sehingga la dapat bersyukur kepada Allah."

Mengikut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, syukur mempunyai banyak makna antaranya *terima kasih, untunglah, mujurlah, bertuah*. Bersyukur pula ialah *berasa syukur dan berterima kasih*.

Hadis ini mengajar kita agar berusaha memiliki sifat zuhud, di samping sentiasa qana'ah dan reda atas qadak Allah s.w.t. dengan wujudnya sifat-sifat tersebut boleh membawa kepada rasa tenang dan sejahtera dalam melayari kehidupan. Orang yang bersifat seperti sifat tadi sebenarnya orang yang kaya kerana keperluannya dapat dikawal dan tidak perlu menadah tangan kepada orang lain, kaya secara batiniah itulah sebenarnya kaya yang hakiki.

Sebaliknya dalam masalah ibadat dan keagamaan hendaklah melihat kepada mereka yang lebih baik daripada kita supaya dapat kita menjadikannya sebagai perangsang untuk melakukan sepertinya atau mengatasinya. Ini bersesuaian dengan konsep "hendaklah kamu berlumba-lumba dalam melakukan kebajikan". Hal ini boleh membawa kita kepada kebaikan di dunia seterusnya di akhirat.



01



PERUTUSAN

MUHASABAH DIRI

Hadis

Daripada Anas r.a. berkata Rasulullah s.a.w. bersabda;
Maksudnya: "Sangat berbahagia orang yang sibuk tentang hal dirinya sendiri daripada sibuk mengenai hal orang lain."

Takhrij Hadis

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bazzar dengan sanad yang hasan, *Musnad al-Firdaus* 2/447. Syeikh al-Albani dalam kitab *Dhaif al-Jami'* mengatakan bahawa hadis ini sangat lemah 3644.

Pengajaran Hadis

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, muhasabah ialah perbuatan menilai diri (*fikiran, pendirian dan sebagainya*) untuk pemberian diri sendiri dan intropesi. Sedangkan bermuhasabah pula ialah membuat penilaian terhadap diri sendiri.

Melihat aib sendiri lebih baik daripada sibuk dengan aib orang lain. Anugerah iaitu nama pokok di dalam syurga atau kehidupan yang bahagia di akhirat.

Dr. 'Aid al-Qarni berkata: Jika kamu hendak melihat cela yang banyak maka perhatikanlah orang-orang yang suka mencela, sesungguhnya dia mencela manusia dengan kelebihan celaan yang ada dalam dirinya. Dalam syair diungkapkan:

*Dia mengambil aib manusia daripada aib dirinya,
Demi Allah tujuan yang dimaksudkan amat dekat.*

Seorang Arab Badwi mendengar seorang lelaki mencela lelaki lain di hadapan khalayak ramai. Maka orang Arab Badwi itu berkata kepadanya: "Kamu telah menunjukkan aibmu yang banyak akibat banyak menyebut aib orang lain. Sebab orang yang mencari-cari aib orang lain sesungguhnya ia sedang menggali sebanyak yang ada pada dirinya." Maka termasuk kebahagiaan seseorang adalah sibuk dengan aib dirinya daripada aib orang lain. Seorang penyair berkata:

jika seorang itu berakal dan warak, Dia akan disibukkan oleh aib dan kepakarannya, Sebagaimana orang sakit akan disibukkan oleh sakitnya, Daripada kesakitan yang diderita oleh seluruh manusia.

Barang siapa yang mendedahkan kehinaan manusia maka manusia pun akan mendedahkan kehinaannya. Barang siapa yang melihat kekurangan dirinya, dia akan buta terhadap kekurangan orang lain. Barang siapa yang melihat aib orang lain dan meredai untuk dirinya maka ini adalah kedunguan (kebodohan). Dalam syair disebut;

*Jangan menyingkap keburukan manusia yang mereka tutupi, Maka Allah akan
menyingkap penutup keburukannya, Sebutlah kebaikan mereka jika kamu
menyebutnya, Jangan menghina seseorang dengan apa yang ada padamu.*

SEKAPUR SIREH



**YBHG TAN SRI DR.ALI B HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT di atas kudrat dan kekuatan yang dianugerahkan kepada kita semua untuk terus berbakti kepada agama, bangsa dan Negara tercinta.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di atas usaha menerbitkan Laporan Tahunan JAWHAR 2014. Perincian program-program yang telah dijalankan pada tahun 2014 ini membuktikan bahawa JAWHAR begitu komited dalam melaksanakan segala program dan aktiviti yang telah dirancang

dalam Pelan Strategik JAWHAR (2012-2016). Program-program yang digariskan dalam Pelan Strategik JAWHAR adalah selari dengan Agenda Transformasi Negara yang diilhamkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Saya yakin JAWHAR telah berusaha dengan gigih dalam memastikan kejayaan setiap aktiviti yang dilaksanakan di samping menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan awam (*public service delivery*) agar memenuhi kehendak stakeholders masa kini.

JAWHAR telah berjaya menunjukkan kesepaduan seluruh warganya dalam mengorak langkah ke arah melestarikan pembangunan maslahah ummah. Ini telah dicapai dengan merencana pelbagai program perkongsian ilmu melalui penglibatan pusat-pusat kecemerlangan ilmu yang telah bekerjsama dengan JAWHAR.

Namun yang demikian, JAWHAR tidak boleh lari dari berhadapan dengan cabaran semasa dan yang mendatang. Cabaran-cabaran ini, sama ada dari dalam ataupun luar berupaya untuk menggugat kejayaan dasar-dasar dan juga kedaulatan Negara terutamanya yang melibatkan Umat Islam. Cabaran sebegini hanya mampu ditangani oleh penjawat awam yang bermoral dan beretika mulia, serta teguh berpegang kepada nilai agama, mempunyai jati diri yang tinggi, berfikiran luas, bijaksana dan dinamik. Sifat-sifat sebegini perlu ada pada semua penjawat awam kerana kita bukan sahaja perlu bijak dalam menganalisis sesuatu masalah sedia ada, tetapi pada masa yang sama dapat mengenal pasti dan menjangka pelbagai masalah yang bakal timbul lalu membina pendekatan ke arah penyelesaian masalah tersebut.

Dalam merealisasikan hasrat Kerajaan bagi mencapai Negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, perkembangan budaya ilmu di kalangan penjawat awam dan masyarakat adalah penting. Pendekatan pembangunan Ummah melalui percambahan ilmu pengetahuan dan pembangunan fizikal merupakan antara usaha-usaha yang

LAPORAN TAHUNAN 2015

dilaksanakan oleh JAWHAR secara berterusan demi meningkatkan taraf sosio-ekonomi Ummah. Sesungguhnya pembangunan fizikal dan ekonomi itu penting dan perlu didukung penuh melalui usaha penerapan ilmu dan nilai-nilai murni yang menjadi tonggak kepada perilaku individu. Ini seterusnya akan membentuk Ummah yang seimbang dari segi amalan dunia dan akhirat di samping mencorakkan masyarakat madani yang beretika tinggi.

Kerelevanannya JAWHAR perlu diperkuuhkan dengan mencipta kejayaan yang berterusan demi memastikan segala potensi institusi wakaf, zakat dan haji dapat dioptimumkan sebaik mungkin dan berada pada tahap piawaian dunia. Amanah yang dipertanggungjawabkan kepada JAWHAR dalam menerajui usaha pemantapan institusi wakaf, zakat dan haji telah dilaksanakan dengan baik dan usaha-usaha ini perlu diteruskan. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah pembangunan projek-projek wakaf di seluruh Malaysia serta pembangunan pangkalan data bersepudu yang komprehensif dalam membekalkan maklumat berkaitan bidang teras Jabatan kepada masyarakat umum melalui laman sesawang. Penganjuran seminar dan sesi perkongsian ilmu melalui JAWHAR *Intellectual Discourse* yang kerap diadakan, turut menyumbang pengetahuan kepada masyarakat.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada seluruh warga JAWHAR atas khidmat usaha dalam memberikan yang terbaik kepada stakeholder dan pelanggan. Sejak penubuhannya, JAWHAR telah banyak memartabatkan konsep wakaf dalam Islam dengan pencapaian projek-projek pembangunan yang amat berkesan. Tidak ketinggalan, masyarakat kini telah mula sedar dan peka terhadap pembangunan Baitulmal yang suatu masa dahulu tidak berkembang pesat seperti mana hari ini. Komitmen yang tinggi perlu sentiasa berterusan dalam menjayakan azam dan matlamat yang telah ditetapkan di samping memperkemaskan lagi tadbir urus institusi wakaf, zakat dan haji/umrah. Marilah kita sama-sama berdoa semoga segala usaha murni diberkati dan mencapai matlamatnya.

Sekian terima kasih.

TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA

SEULAS PINANG



KETUA PENGARAH JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya jua kita masih berjaya meneruskan usaha dan amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w, keluarga dan sahabat baginda serta sekalian, pengikut-pengikut Baginda sepanjang zaman.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada sidang redaksi Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) kerana berjaya menerbitkan Laporan Tahunan JAWHAR 2014. Sebagai peneraju utama tampuk pimpinan, saya bangga atas usaha cemerlang yang telah disumbangkan oleh semua kakitangan JAWHAR di dalam mencapai

visi dan misi ke arah melengkapkan hala tuju jabatan sepanjang tahun 2014.

Jika diimbas semula rentetan yang berlaku sepanjang tahun 2014, JAWHAR telah berjaya menjalankan pelbagai aktiviti dan program antaranya Seminar Wakaf Antarabangsa, Program Konvoi Kembara Zakat sempena bulan Zakat Kebangsaan, Jawhar Intellectual Discourse, Bengkel Manasik Haji, Taklimat berkaitan pengendalian umrah oleh agensi-agensi pelancongan, Bengkel Pelan Strategik dan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) JAWHAR, Kursus Transformasi diri JAWHAR, Bengkel pembangunan Sistem e-Khairat JAWHAR dan sebagainya. Selain itu, pada tahun ini, JAWHAR turut dilantik sebagai ahli Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) peringkat Kementerian Pelancongan (KPK).

Selain daripada pelbagai bengkel yang dijalankan, JAWHAR juga turut terlibat dengan pelbagai projek pembangunan hartaanah wakaf melalui kerjasama pelbagai pihak

LAPORAN TAHUNAN 2015

seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Government Linked Companies (GLC) iaitu Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA). Projek-projek hartanah wakaf ini dibangunkan melalui kerjasama Strategi Lautan Biru (NBOS) sepetimana yang disarankan oleh Kerajaan.

JAWHAR juga memainkan peranan penting dalam memberi pendedahan ilmu kepada umat Islam dengan menganjurkan JAWHAR Intellectual Discourse (JID) sebanyak 4 kali setahun yang merupakan salah satu platform kepada masyarakat umum untuk lebih memahami tentang isu-isu berkaitan bidang teras JAWHAR iaitu wakaf, zakat, mal dan haji. Antara tema program yang telah dijalankan ialah Zakat, antara kesedaran dan sambil lewa, " Pusaka, Wasiat dan Hibah: antara hak dan tanggungjawab" "Wakaf, Sunnah yang makin dilupakan" dan Wakaf, Talian Hayat, Talian Akhirat"

Sebagai agensi di peringkat Persekutuan, JAWHAR telah dikunjungi oleh delegasi daripada luar Negara iaitu delegasi The International Institute of Islamic Waqf (IIIW) Jordan dan Pimpinan Pusat Muhammadiyah, Indonesia. Tidak ketinggalan, JAWHAR turut menerima kunjungan dari Universiti Islam Malaysia (UIM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Di samping mengeratkan hubungan silaturahim mereka

juga diperkenalkan mengenai sistem ICT yang terdapat di dalam laman sesawang JAWHAR seperti i-wakaf, i-umrah, portal e-bayanat, portal e-wakaf, e-Khairat dan sebagainya. Ini membuktikan bahawa usaha dan komitmen JAWHAR selama ini semakin dilihat dan didengari oleh pelbagai pihak termasuk luar negara. Akhir kalam, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang tenaga dan idea bagi merealisasikan penerbitan Laporan Tahunan JAWHAR 2014. Semoga warga JAWHAR dapat mengekalkan sifat saling tolong-menolong, berdedikasi dan berkerjasama demi memantapkan lagi pencapaian organisasi. Diharapkan tahun baru 2015 ini dapat dilalui dengan lebih baik lagi.

Sekian, terima kasih

DATUK HAJI ANAN BIN C MOHD



02



MAKLUMAT KORPORAT

SIFAT MUKMIN SEJATI

Hadis

Abdullah bin Mas'ud r.a. meriwayatkan hadis secara marfu':

Maksudnya: "Bukanlah sifat Mukmin sejati yang banyak mencela, suka melaknat dan yang berbuat keji serta bercakap kotor."

Takhrij Hadis

Hadis riwayat al-Tirmizi dan dia menghasangkan hadis ini. Dan disahihkan oleh al-Hakim. Dan ditarjikan oleh al-Daraqutni bahawa hadis ini mauquf.

Pengajaran Hadis

Maflum hadis yang lain: *Orang Islam itu ialah siapa yang menyelamatkan golongan Islam yang lain daripada lidahnya dan tangannya*. Hadis ini menunjukkan bahawa sikap seperti memaki hamun, mengumpat, mengeji dan bahasa yang kasar tidak diiktiraf oleh Islam, bahkan ianya amat jauh daripada norma kemanusiaan apatah lagi nilai keagamaan. Sebahagian ulama menganggap ianya antara dosa besar dan sifat seperti di atas boleh membawa kepada rosaknya hubungan dengan masyarakat dan juga kaum keluarganya. Kerana manusia amat tidak suka kepada orang yang suka mengejek, mengadu domba dan bercakap yang tidak baik.

Rasulullah s.a.w. menyebut di sini dua sifat yang sekali-kali tiada dalam kamus orang yang beriman iaitu **menghina** dan **mencerca**. Begitu juga dengan melaknat kerana kedua-duanya menggambarkan seseorang itu mempunyai masalah dalaman. Justeru lahirlah ucapan yang tidak memberi sebarang manfaat.

Al-Imam al-Zahabi dalam kitabnya *al-Kabair* memasukkan sifat ini dalam dosa-dosa besar. Al-Syeikh al-Allamah Muhammad Hayat al-Sandi berkata: Tidak dibolehkan sebahagian kamu berpaling daripada sebahagian yang lain, tetapi seharusnya kamu menghadapi mereka dengan wajah berseri-seri, hati yang bersih daripada kedengkian dan permusuhan serta dengan tutur kata yang manis. Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

"Tidak halal bagi orang Mukmin sejati memutuskan hubungan dengan saudaranya lebih daripada tiga hari, kedua-duanya bertemu soling tidak menyapa, sebaik-baik antara keduanya adalah yang memulakan salam."

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim.

Memutuskan hubungan yang dimaksudkan daripada hadis ini adalah dalam masalah duniawiyah (keduniaan). Sedangkan dalam masalah diniah (keagamaan) dibolehkan memutuskan hubungan lebih daripada tiga hari sebagaimana yang dilakukan oleh Imam Ahmad dan terhadap ahli bidaah, munafik, dan orang yang mengajak melakukan kemaksiatan.

Seterusnya katanya lagi persaudaraan Islam itu lebih kuat daripada persaudaraan kerana nasab (keturunan). Oleh itu tidak boleh menzalimi saudaranya sesama Muslim dalam bentuk apa pun, tidak boleh mendiamkan diri kerana tidak mahu menolongnya jika melihat ia dizalimi, kerana setiap Mukmin diperintahkan saling tolong-menolong.

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah diisytiharkan penubuhannya pada 27 Mac 2004 bersamaan 6 Safar 1425H oleh mantan Perdana Menteri Y.A.Bhg. Tun Abdullah bin Ahmad Badawi semasa mengumumkan kabinet kerajaan Malaysia.

Penubuhan jabatan ini merupakan titik permulaan dalam usaha Kerajaan Persekutuan membantu memajukan harta umat Islam sebagai sumber kekayaan dan kekuatan ummah pada masa hadapan.

Iltizam mantan Perdana Menteri seterusnya dizahirkan lagi dalam ucapan beliau semasa pelancaran Rancangan Malaysia Ke-9 pada 31 Mac 2006 di Dewan Rakyat :

*"Di samping itu, kita akan membangunkan sumber modal Bumiputera, seperti **tanah dan harta wakaf** di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama Islam negeri. Pihak berkuasa agama Islam negeri perlulah mengambil tanggungjawab **fardu kifayah, berperanan aktif membangunkan ekonomi umat Islam** dan membantu usaha pembangunan insan".*

Pelancaran rasmi JAWHAR telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Seri Dr Abdullah bin Md Zin, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (menteri yang bertanggungjawab ke atas hal-ehwal Islam) pada 8 Oktober 2004 bersamaan 23 Syaaban 1425H, bertempat di Dewan 2, Aras Concourse, Pusat Konvensyen Putrajaya.

Di dalam ucapan perasmianya, mantan Y.B. Menteri menegaskan hasrat Kerajaan seperti berikut :

*"Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat & Haji ini bertujuan untuk **memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan**. Ia juga bermaksud untuk **meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan** ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang".*

Menjadi sebuah jabatan Kerajaan **terunggul** dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji/umrah **bertaraf dunia.**



Meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji/umrah melalui tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan **terbaik.**



OBJEKTIF

Terdapat **empat** objektif JAWHAR seperti berikut:

Memperkasa dan **memajukan** pembangunan sosio-ekonomi ummah dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji/umrah melalui kerjasama erat dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri dan agensi-agensi berkaitan;

Mempertingkatkan tadbir urus terbaik institusi wakaf, zakat, mal dan haji/umrah;

Meningkat kesedaran dan kefahaman masyarakat Islam mengenai konsep wakaf, zakat, mal dan haji/umrah pengurusan sumber am dan **membangunkan** potensi sumber am sebagai wadah melibatkan sosio-ekonomi ummah; dan

Menyubur dan **membudayakan** turath (legasi) dalam amalan berwakaf di kalangan masyarakat Malaysia, penyelarasan, pemantauan dan penguatkuasaan pengurusan umrah serta **meningkatkan** kualiti sistem pengurusan haji bagi mengekalkan tadbir urus terbaik.

FUNGSI

Terdapat **lima** fungsi khusus JAWHAR seperti berikut:

Merancang, melaksana, memantau dan **menyelaras** pembangunan institusi wakaf, zakat, mal dan haji/umrah agar dapat berfungsi dengan lebih **berkesan** dalam pembangunan sosio-ekonomi ummah;

Merancang dan **menyelaras** keperluan serta keseragaman sistem perundangan bagi pembangunan institusi wakaf, zakat, mal dan haji/umrah;

Menjalinkan **kerjasama pintar** dengan agensi-agensi Kerajaan serta GLC/pihak swasta dalam pembangunan institusi wakaf, zakat, mal dan haji/umrah;

Menjalankan **kajian** serta **penyelidikan, penerbitan** dan **penyelaras** mengenai isu dan program-program pembangunan khazanah umat Islam supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh ummah; dan

Membantu dan memberi **khidmat sokongan** dalam pengurusan sumber manusia, kewangan dan ICT kepada Pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri dan agensi-agensi berkaitan.

PIAGAM PEJANGGAN

JAWHAR **beriltizam** untuk **melaksanakan tanggungjawab** dan peranan sebagai jabatan Kerajaan yang terunggul dalam memacu kemajuan ummah melalui pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji dengan:

Melaksanakan program tahunan Jabatan mengenai institusi wakaf, zakat, mal dan haji dengan **menjalin perkongsian pintar** dengan MAIN, entiti zakat negeri, pusat-pusat kecemerlangan tempatan serta antarabangsa dan Lembaga Tabung Haji mengikut jadual yang ditetapkan;

Memberikan **perkhidmatan sokongan** kepada stakeholders dan pelanggan secara **responsif, cepat** dan **berintegriti** tidak melebihi tempoh 2 hari bekerja;

Memberikan **khidmat nasihat** kepada stakeholders dan pelanggan dalam tempoh 1 hari bekerja selepas menerima pertanyaan;

...**Memastikan** pembayaran bil-bil dibuat dalam tempoh tidak melebihi 7 hari bekerja; dan

Memastikan laman web Jabatan sentiasa **informatif** dan **dikemaskini** sepanjang masa.

MOTTO

LAPORAN TAHUNAN 2015

SLOGAN


‘Bersama Membina Tamadun Ummah’

Motto JAWHAR menunjukkan **harapan** dan **semangat** JAWHAR dalam **meningkatkan** pembangunan dan kemajuan sosio-ekonomi ummah. Bidang-bidang teras JAWHAR akan dibangunkan ke tahap yang lebih **tinggi** dan seterusnya **menyumbang** kepada pembinaan tamadun ummah yang **cemerlang** di negara ini dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ummah secara keseluruhan. Sehubungan itu, warga JAWHAR akan sentiasa **komited** untuk melaksanakan program dan agenda ke arah pembangunan tamadun ummah ini.

‘Bersama Memantapkan JAWHAR’

Slogan JAWHAR pula membawa pengertian yang sangat mendalam. Slogan ini merupakan **seruan** kepada setiap warga JAWHAR agar sentiasa **bekerjasama** dalam setiap perancangan dan perkara yang dijalankan oleh Jabatan agar hasil diperolehi adalah yang **terbaik** dan merupakan hasil paduan usahasama **jitu** daripada setiap warga JAWHAR. Hasil **daya usaha** yang berterusan ini mampu memberikan pencapaian yang terbaik dan seterusnya menyumbang kepada matlamat JAWHAR ke arah pembinaan tamadun ummah. Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab tersebut, setiap warga JAWHAR digesa untuk melaksanakannya dengan kaedah yang **terbaik**. Ia juga menunjukkan **komitmen** JAWHAR yang sangat **mementingkan kualiti** dalam setiap tindakan yang bakal diambil.

Di samping motto dan slogan, **pembentukan** jati diri warga JAWHAR turut disandarkan kepada **penghayatan** dan amalan beberapa nilai serta etika kerja yang dirangkumkan membentuk perkataan HIJRAH serta dijadikan **falsafah** pengurusan JAWHAR. Prinsip Hijrah ini diterangkan seperti berikut:



SINGKATAN JAWHAR

Perkataan 'JAWHAR' berasal daripada Bahasa Arab yang bermaksud permata yang berharga dan tinggi nilainya. Perkataan JAWHAR itu sendiri melambangkan harapan jabatan untuk menjadi sebuah agensi terunggul dan amat berharga seperti sebutir permata yang amat bernilai. Perkataan 'JAWHAR' juga sesuai dengan aspirasi JAWHAR untuk menghasilkan outcome bermutu tinggi umpama sebutir permata yang amat bernilai, yakni suatu manifestasi keunggulan sebuah jabatan Kerajaan bertaraf dunia.

Perkataan JAWHAR juga melambangkan akronim kepada nama jabatan. **JA** ialah singkatan bagi perkataan **Jabatan**, huruf **W** mewakili **Wakaf** dan huruf **H** mewakili **Haji**. Zakat dan Mal diwakili oleh **HAR** yang disingkatkan daripada perkataan **Harta** iaitu asas kepada pembangunan sosio-ekonomi umat Islam.

Punca kuasa yang membawa kepada penubuhan JAWHAR adalah seperti berikut:

Minit mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Jun 2004 telah menyatakan dalam perkara 15. Hal-hal lain (11) Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Urusan Haji seperti berikut;

"Jemaah Menteri mengambil maklum akan keterangan bahawa mesyuarat untuk membincangkan penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Urusan Haji yang akan diadakan pada 1 Jun 2004 bersetuju dengan nama Jabatan Wakaf, Zakat dan Urusan Haji yang akan menyelaras, memantau dan menyeragam sistem wakaf, Zakat dan Urusan Haji".

Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No.2) (Pindaan) (No.2) 2009 (P.U. (A) 222).

Senarai perundangan yang berkaitan bidang teras JAWHAR adalah seperti yang digarisbawahi dalam Jadual 4.2 berikut:

Perlembangan Persekutuan

- Jadual Kesembilan senarai II, Senarai Negeri, Butiran 1- menyatakan wakaf sebahagian yang berhubungan dengan Islam.
- Perkara 3 Fasal 2 – Raja merupakan ketua agama Islam negeri-negeri.
- Perkara 74 Fasal 2- Badan Perundangan negeri boleh membuat undang-undang mengenai Islam.
- Perkara 12(2) – Kerajaan Persekutuan boleh menubuhan atau menyenggara atau membantu dalam pembiayaan institusi agama Islam.

Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Hal ehwal Islam Negeri

- Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah – wilayah Persekutuan) – Seksyen 60-66.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah – Seksyen 52-60.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perlis – Seksyen 89-94.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pulau Pinang – Seksyen 89-96.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perak – Seksyen 78-88.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Johor – Seksyen 89-97.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Johor dan Adat Istiadat Terengganu – Seksyen 63-69.
- Ordinan Majlis Islam Sarawak – Seksyen 51-55.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pahang – Seksyen 70-78.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Sabah – Seksyen 45-66.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Johor Dan adat Melayu Kelantan - Seksyen 61-66.

Enakmen Wakaf Negeri

- Enakmen Wakaf Selangor, 1999
- Enakmen Wakaf Negeri Melaka, 2005
- Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005

PUNCA KUASA

Enakmen Wasiat Negeri

- Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2005

Enakmen Zakat Negeri

- Enakmen Zakat Tahun 1374 (1955) Kedah
- Enakmen Zakat Dan Fitrah 1993 (Pindaan 2003)-Negeri Sabah


Kanun Tanah Negara (KTN)

- Seksyen 4(2) – Peruntukan KTN tidak terpakai kepada tanah wakaf
- Seksyen 5 – Amanah tidak termasuk wakaf
- Seksyen 76 – Pengertian pemberi milikan
- Seksyen 416C – Peruntukan Peletakhakan tanah

Akta – akta berkaitan

- Akta Fungsi – fungsi Menteri 1969
- Perintah Menteri –menteri Persekutuan
- Akta Industri Perlancungan 1992
- Kanun Keseksaan
- Kanun Acara Jenayah
- Akta Syarikat 1965
- Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001
- Akta Perlindungan Pengguna 1999
- Akta Lembaga Tabung Haji 1995

CARTA ORGANISASI JABATAN, WAKAF, ZAKAT DAN HAJI



WARGA JAWHAR

| PEJABAT KP | | |
|-----------------------|---|--|
| 1 | Datuk Haji Anan bin C. Mohd | 03-88837401 anan@jawhar.gov.my |
| 2 | Pn.Hawariah Mohamad Anuar | 03-88837402 hawariah@jawhar.gov.my |
| PEJABAT TKP | | |
| 3 | Tn. Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman | 03-88837404 musadad@jawhar.gov.my |
| 4 | Pn.Damiley binti Abdul Kahar | 03-88837405 damiley@jawhar.gov.my |
| BAHAGIAN WAKAF | | |
| 5 | En. Ruzman bin Ramli | 03-88837477 ruzman@jawhar.gov.my |
| 6 | Cik Zarina binti Ibrahim | 03-88837476 zarina@jawhar.gov.my |
| 7 | En. Abdullah bin Mukhti | 03-88837453 abdullah.mukhti@jawhar.gov.my |
| 8 | Pn Maya Fahida binti Mohd Esa | 03-88837455 maya@jawhar.gov.my |
| 9 | Tn Hj. Muhammad Mawardi Shafai | 03-88837457 mawardi@jawhar.gov.my |
| 10 | En. Khairul Azri bin Kudratullah Fatimy | 03-88837478 azri@jawhar.gov.my |
| 11 | Tn Hj Zainal bin Haji Mohd Yusoh | 03-88837576 zainalmy@jawhar.gov.my |
| 12 | En. Zaim bin Sulaiman | 03-88837413 zaim@jawhar.gov.my |
| 13 | En. Muhammad Suardi bin Shafien | 03-88837492 suardi@jawhar.gov.my |
| 14 | En. Mohd Fazarul bin Mohd Safain | 03-88837496 fazarul@jawhar.gov.my |
| 15 | Pn. Rohaizah binti Mohd Rojulan | 03-88837466 rohaizah@jawhar.gov.my |

LAPORAN TAHUNAN 2015

| BAHAGIAN BAITULMAL | | |
|---|--|---|
| 16 | Pn. Asrul Shuhada Mohd. Salleh | 03-88837476 shuhada@jawhar.gov.my |
| 17 | Pn. Hasanah binti Badrul | 03-88837444 hasanah@jawhar.gov.my |
| 18 | Pn. Hafizah binti Abdul Shukor | 03-88837417 hafizah.as@jawhar.gov.my |
| 19 | En.Murid Fadzli bin Musa | 03-88837415 mfadzli@jawhar.gov.my |
| 20 | Pn.Nurul Ain binti Mohd Harudin | 03-88837417 nurul.ain@jawhar.gov.my |
| 21 | En.Mohd Riduan bin Hussin | 03-88837439 riduan@jawhar.gov.my |
| 22 | Cik Siti Maryam binti Md. Noor | 03-88837435 sitimaryam@jawhar.gov.my |
| 23 | Pn. Noriah binti Othman | 03-88837474 noriah@jawhar.gov.my |
| 24 | En. Mustafidurrohman bin Mohd Shahroni | 03-88837482 mustafidurrohman@jawhar.gov.my |
| BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN KERJASAMA ANTARABANGSA | | |
| 25 | Tn Hj. Mohd Bakri bin Ibrahim | 0388837411 mbakri@jawhar.gov.my |
| 26 | Tn Hj. Abdullah bin Abd Rahman | 0388837438 abdullah@jawhar.gov.my |
| 27 | En. Mohd Faizal bin Ab Hamid | 03-88837407 faizal@jawhar.gov.my |
| 28 | En. Othman Ariff bin Omar | 03-88837478 ariff@jawhar.gov.my |
| 29 | Pn. Siti Zaida binti Mahmod | 03-88837468 zaida@jawhar.gov.my |
| 30 | En. Khairul Anuar bin Khalid | 03-88837455 khairulanuar@jawhar.gov.my |
| 31 | Pn Marziana Binti Mat Hassan | 03-88837474 marziana @jawhar.gov.my |
| 32 | Pn. Noor Azura binti Zainal | 0388837431 noorazura@jawhar.gov.my |
| 33 | En. Saifol Iskandar bin Md Kasim | 03-88837426 saifol@jawhar.gov.my |
| 34 | En. Azizi bin Salleh | 03-88837429 azizi.salleh@jawahr.gov.my |

LAPORAN TAHUNAN 2015

| | | |
|---|-----------------------------------|---|
| 35 | Pn. Nor Fazilah binti Wahab | 03-88837422 fazilah@jawhar.gov.my |
| UNIT INTEGRITI DAN KOMUNIKASI KORPORAT | | |
| 36 | Pn. Lizah binti Ismail | 03-88837507 lizah@jawhar.gov.my |
| 37 | Cik. Nurrul Hafiza binti Zainal | 03-88837428 nurrul@jawhar.gov.my |
| BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN | | |
| SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT (STM) | | |
| 38 | Pn. Rosnita binti Ismail | 03-88837418 rosnita@jawhar.gov.my |
| 39 | Pn. Nurain Mhd Sharif | 03-88837465 nurain@jawhar.gov.my |
| 40 | En. Zamfitri bin A Rahman | 03-88837419 zamfitri@jawhar.gov.my |
| 41 | Cik. Muzazila binti Mustari | 03-88837458 muzazila@jawhar.gov.my |
| 42 | Pn. Ili Raidah binti Mahat | 03-88837446 raidah@jawhar.gov.my |
| 43 | En. Mohamad Basri Bin Razak | 03-88837410 basri@jawhar.gov.my |
| SEKSYEN PENGURUSAN DAN KEWANGAN | | |
| UNIT KEWANGAN | | |
| 44 | Pn. Kamalia binti Kamaruddin | 03-88837459 kamalia@jawhar.gov.my |
| 45 | Pn. Norfadzlina binti Abdul Latif | 03-88837439 norfadzlina@jawhar.gov.my |
| 46 | Pn. Zini binti Othman | 03-88837427 zini@jawhar.gov.my |
| 47 | En. Issyemmuuddeen bin Iesa | 03-88837408 issyemmuuddeen@jawhar.gov.my |
| 48 | En. Rohaizit bin Abdul Rashid | 03-88837434 rohaizit@jawhar.gov.my |
| 49 | Pn. Nurhashikin binti Suandi | 03-88837412 nurhashikin@jawhar.gov.my |
| 50 | Pn. Nor Fadilah binti Harun | 03-88837477 norfadilah@jawhar.gov.my |

LAPORAN TAHUNAN 2015

| UNIT PENTADBIRAN, SUMBER MANUSIA DAN LATIHAN | | |
|--|---|--|
| 51 | Pn. Salmah binti Shahidan | 03-88837480 salmah@jawhar.gov.my |
| 52 | Pn. Norlizah binti Mainoordin | 03-88837441 norlizah@jawhar.gov.my |
| 53 | Cik. Julia binti Mohd Nasir | 03-88837470 Julia@jawhar.gov.my |
| 54 | En. Rizan bin Maidin | 03-88837445 rizan@jawhar.gov.my |
| 55 | Pn. Noraini binti Md Zain | 03-88837454 noraini.zain@jawhar.gov.mny |
| 56 | Pn. Shatina Ariani binti Ahmad | 03-88837423 ariani@jawhar.gov.my |
| 57 | En. Hasrolnizam bin Rosli | 03-88837471 hasrolnizam@jawhar.gov.my |
| 58 | En. Idzharudin bin Ibrahim | 03-88837472 idzharudin@jawhar.gov.my |
| 59 | Cik. Saedah binti Hussin | 03-88837462 saedah@jawhar.gov.my |
| 60 | En. Mohamed Khairudin bin Abdul Rashid | 03-88837400 khairudin@jawhar.gov.my |
| 61 | Pn. Juliana binti Senin | 03-88837578 juliana@jawhar.gov.my |
| 62 | En. Mohd Salman bin Mohd Sopi | 03-88837424 salman@jawhar.gov.my |
| 63 | Pn. Normaini bin Ayob | 03-88837495 normaini@jawhar.gov.my |
| 64 | En. Hasbullah Huzaini bin Che Hassan | 03-88837499 huzaini@jawhar.gov.my |
| 65 | En. Mohd Fazri bin Zulkalnaini | 03-88837421 fazri@jawhar.gov.my |
| 66 | En. Mohd Fadhil Khariry bin Abdullah Kassim | 03-88837499 fadhil@jawhar.gov.my |
| 67 | En. Mohd Aliff bin Kuniel | 03-88837400 aliff@jawhar.gov.my |
| 68 | En. Mohd Ishak bin Abu | 03-88837433 ishak@jawhar.gov.my |
| 69 | En. Mohd Firdaus bin Kasim | 03-88837502 firdaus@jawhar.gov.my |
| 70 | En. Zainuddin bin Abdul Samad | 03-88837421 din@jawhar.gov.my |
| 71 | En. Mohd Zamri bin Ridzuan | 03-88837499 mzamri@jawhar.gov.my |
| 72 | En. Mohamed Khallam bin Ismail | 03-88837501 khallam@jawhar.gov.my |
| 73 | En. Aizan bin Ibrahim | 03-88837456 aizan@jawhar.gov.my |

LAPORAN TAHUNAN 2015

PENGHARGAAN DAN PERKHIDMATAN

| PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2014 | | | |
|---|---|--------------------------|---|
| BIL. | NAMA | JAWATAN | BAHAGIAN |
| 1 | En. Azlan bin Abd Majid | Pengarah | Wakaf |
| 2 | En. Abdul Hakim bin Abdul Rauf | Ketua Penolong Pengarah | Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa |
| 3 | En. Azizi bin Salleh | Pembantu Hal Ehwal Islam | Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa |
| 4 | Pn. Noor Azura binti Zainal | Pembantu Tadbir/Operasi | Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa |
| 5 | En. Mohd Mustafidurrohman bin Mohd Syahroni | Pembantu Hal Ehwal Islam | Baitulmal |
| 6 | En. Mohamed Khallam bin Ismail | Pembantu Operasi | Khidmat pengurusan |

| ANUGERAH PENJAWAT CEMERLANG BULANAN JPM (DISEMBER 2014) - KATEGORI BERKUMPULAN | | |
|--|-------------------------------|---|
| BIL | NAMA | BAHAGIAN |
| 1 | En. Mohd Faizal bin Ab Hamid | Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa |
| 2 | En. Muhamad Ridzuan bin Sabli | Seksyen Teknologi Maklumat |
| 3 | En. Khairul Anuar bin Khalid | Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa |
| 4 | Pn. Noor Azura binti Zainal | Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa |

| PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2015 | | | |
|---|-----------------------------------|----------|---|
| BIL. | NAMA | JAWATAN | BAHAGIAN |
| 1 | Pn. Rosnita binti Ismail | KPP (TM) | Seksyen Teknologi Maklumat |
| 2 | Pn. Hasanah binti Badrul | KPP (B) | Baitulmal |
| 3 | En. Murid Fadzli bin Musa | PP (B) | Baitulmal |
| 4 | Tn. Hj. Zainal bin Hj. Mohd Yusoh | PAK (W) | Wakaf |
| 5 | En. Saifol Iskandar bin Md Kasim | PT (R) 2 | Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa |
| 6 | En. Mohd Fazri bin Zulkalnaini | PK2 | Unit Pentadbiran |

LAPORAN TAHUNAN 2015

| ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG BULANAN JABATAN PERDANA MENTERI 2015 | | | |
|--|--------------------------------|---|-----------|
| BIL. | NAMA | BAHAGIAN | BULAN |
| 1 | En. Mohamed Khallam bin Ismail | Unit Pentadbiran | Januari |
| 2 | Tn. Hj. Mohd Bakri bin Ibrahim | Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa | Mac |
| 3 | En. Zamfitri bin A. Rahman | Seksyen Teknologi Maklumat | Jun |
| 4 | Pn. Siti Zaida binti Mahmud | Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa | September |

| PENERIMA ANUGERAH PEKERJA CONTOH BULANAN JAWHAR TAHUN 2015 | | | |
|--|---------------------------------|---|-----------|
| BIL | NAMA | BAHAGIAN | BULAN |
| 1 | Pn. Hasanah binti Badrul | Baitulmal | Januari |
| 2 | En. Rizan bin Maidin | Unit Pentadbiran | Februari |
| 3 | Cik Muzazila binti Mustari | Seksyen Teknologi Maklumat | Mac |
| 4 | Pn. Hafizah binti Abdul Shukor | Baitulmal | April |
| 5 | En. Mohammad Firdaus bin Kasim | Unit Pentadbiran | Mei |
| 6 | Pn. Rohaizah binti Mohd Rojulan | Wakaf | Jun |
| 7 | Pn. Siti Zaida binti Mahmud | Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa | Julai |
| 8 | Pn. Lizah binti Ismail | Unit Integriti Dan Komunikasi Korporat | Ogos |
| 9 | Pn. Nor Fadilah binti Harun | Unit Kewangan | September |
| 10 | Pn. Kamalia binti Kamaruddin | Unit Kewangan | Okttober |
| 11 | En. Mohd Fazri bin Zulkalnaini | Unit Pentadbiran | November |
| 12 | Pn. Damiley Abdul Kahar | Pejabat TKP | Disember |

LAPORAN TAHUNAN 2015

| BERTUKAR KELUAR JAWHAR TAHUN 2015 | | | | |
|-----------------------------------|--|---|--|------------|
| BIL. | NAMA PEGAWAI | | KE | TARIKH |
| 1 | Pn. Yuslinda binti Che Hashim |  | Kementerian Pengajian Tinggi | 23.2.2015 |
| 2 | Cik. Aini Nabilah Najwa binti Majri |  | MAMPU | 1.3.2015 |
| 3 | En. Azlan bin Abd. Majid |  | MAMPU | 5.6.2015 |
| 4 | En. Ahmad Azhan bin Mohd Noh @ Mohamed Nor |  | Kementerian Pertahanan | 1.8.2015 |
| 5 | Pn. Maslina binti Mohd Basir |  | Kementerian Sumber Manusia | 10.8.2015 |
| 6 | En. Abdul Hakim bin Abdul Rauf |  | Jabatan Perkhidmatan Awam | 7.9.2015 |
| 7 | Cik. Aniza binti Ludin |  | Yayasan Wakaf Malaysia | 30.10.2015 |
| 8 | Pn. Ima Nadia Binti Ibrahim |  | Swasta | 30.11.2015 |
| 9 | En. Sharil nizam bin Al Malek Hasan |  | Yayasan Wakaf Malaysia | 30.11.2015 |
| 10 | En. Muhamad Ridzuan bin Sabli |  | Kementerian Kewangan | 24.11.2015 |
| 11 | En Suheimi bin Abdul Samad |  | Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) | 1.12.2015 |

LAPORAN TAHUNAN 2015

| BERTUKAR MASUK JAWHAR TAHUN 2015 | | | | |
|----------------------------------|------------------------------------|---|--|------------|
| BIL. | NAMA PEGAWAI | | DARI | TARIKH |
| 1 | Pn.Shatina Ariani binti Ahmad |  | Bah. Istiadat, JPM | 5.1.2015 |
| 2 | Tn. Ahmad Musadad bin Hj. Sulaiman |  | Jabatan Perkhidmatan Awam | 7.1.2015 |
| 3 | En. Aizan bin Ibrahim |  | Bah. Khidmat Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri | 1.3.2015 |
| 4 | Pn. Maya Fahida binti Mohd Esa |  | Jabatan Perumahan Negara | 16.3.2015 |
| 5 | Pn. Marziana binti Mat Hassan |  | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia | 15.4.2015 |
| 6 | En. Suheimi bin Abdul Samad |  | Jabatan Peguam Negara | 27.4.2015 |
| 7 | En. Mohd Salman bin Mohd Sopi |  | Perbadanan PR1M Malaysia | 1.7.2015 |
| 8 | En. Muhammad Mawardi bin Shafai |  | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia | 6.10.2015 |
| 9 | Pn. Nurain binti Mohd Sharif |  | Jabatan Perkhidmatan Awam | 29.10.2015 |
| 10 | Pn. Nur Athirah binti Ash Sa'ari | *No Image | Kementerian Pengajian Tinggi | 11.11.2015 |
| 11 | Pn. Normaini binti Ayob |  | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia | 16.11.2015 |

LAPORAN TAHUNAN 2015



03



LAPORAN
PERKHIDMATAN
TERAS UTAMA

BAHAGIAN WAKAF



Dari belakang: En. Mohd Fazarul bin Safain, En. Muhammad Suardi bin Shafien
Dari Kiri: En. Zaim bin Sulaiman, En. Othman Ariff bin Omar, Pn. Rohaizah binti Rojulan
Dari Kanan: En. Khairul Azri, En. Abdullah, Pn. Maya Fahida
Dari depan: En. Azlan bin Abd Majid (Pengarah)

AKTIVITI-AKTIVITI YANG TELAH DILAKSANAKAN

1. PEMBANGUNAN HARTANAH WAKAF

Sepanjang tahun 2014, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah melaksanakan sebanyak satu projek pembangunan hartaanah wakaf iaitu Projek Pembinaan Pangsapuri Kos Sederhana Rendah, Butterworth, Pulau Pinang.

1.1 Bagi Projek Pembinaan Pangsapuri Kos Sederhana Rendah, Butterworth, Pulau Pinang keterangan mengenai projek tersebut adalah seperti berikut:

LAPORAN TAHUNAN 2015

| PERKARA | KETERANGAN |
|---|--|
| 1.1.1 NAMA PROJEK | Projek Pembinaan Pangaspuri Kos Sederhana Rendah, Butterworth, Pulau Pinang |
| 1.1.2 KOS PROJEK | RM47,220,000.00 |
| 1.1.3 KEMAJUAN PROJEK SEHINGGA 31.12.2014 | Jadual (%) - 22% Sebenar(%) - 22% |
| 1.1.4 STATUS PELAKSANAAN | Blok A- Kerja asas tapak telah selesai. Kontraktor sedang menunggu maklum balas berkenaan konsep reka bentuk IBS untuk memulakan kerja pangkal tiang dan rasuk bawah kerana masih dalam penelitian JKR Pulau Pinang. Blok B- Kerja tetapi cerucuk telah dijalankan. |
| 1.1.5 TARikh MULA | 18 September 2013 |
| 1.1.6 TARikh DIJANGKA SIAP | 11 Ogos 2016 |
| 1.1.7 SKOP PROJEK | 2 Blok yang mengandungi 152 unit rumah pangaspuri: a) Blok A - 12 tingkat (i) 120 unit rumah; (ii) Dewan Serbaguna; (iii) Tandas Awam; (iv) Tadika; (v) 2 unit kedai; (vi) Pejabat Pengurusan; dan (vii) Bilik Utiliti. b) Blok B - 8 tingkat (i) 32 unit rumah; (ii) Pejabat Pengurusan; (iii) Bilik Utiliti; dan (iv) Ruang Sampah. (c) 2 pondok pengawal dilengkapi tandas; (d) Sebuah rumah sampah; (e) Pagar berhias dilengkapi pintu pagar; (f) Pagar Chain Link; (g) Taman permainan; dan (h) Tempat letak kenderaan dan motorsikal. |

2. PROGRAM TURUN PADANG KETUA PENGARAH JAWHAR

Bagi menyahut seruan YBhg. Tan Sri Dr. KSN agar semua Ketua Jabatan ikut bersama ke sesi turun padang kesemua projek pembangunan dengan lebih kerap, Bahagian Wakaf dengan diketuai oleh Ketua Pengarah JAWHAR telah mengatur sesi turun padang/lawatan tapak kesemua projek-projek pembangunan hartanah wakaf JAWHAR yang berada di sekitar Pulau Pinang setiap bulan.

Bagi tahun 2014, sebanyak lima (5) sesi lawatan telah dibuat seperti berikut:

| BIL. | TARIKH | TUJUAN |
|------|-------------------|---|
| 1. | 22 OGOS 2014 | Lawatan ket apak projek pembinaan Pangaspuri Kos Sederhana Rendah, Butterworth, Pulau Pinang. |
| 2. | 03 SEPTEMBER 2014 | |
| 3. | 16 OKTOBER 2014 | |
| 4. | 21 NOVEMBER 2014 | |
| 5. | 19 DISEMBER 2014 | |

Lawatan ke tapak projek pembinaan



*Penerangan kepada YBhg Datuk Ketua Pengarah oleh Jurutera

LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN BAITULMAL



Kiri Dari belakang: Cik Siti Maryam Md. Noor, En. Murid Fadzli bin Musa, En. Mustafidurrohman bin Mohd Syahroni, En. Mohd Ridzuan bin Hussin, Pn. Noriah binti Othman.

Kiri Dari depan: Pn. Nurul Ain binti Mohd Harudin, Pn. Hasanah binti Badrul, Pn. Asrul Shuhada Mohd Salleh (Pengarah), Pn. Hafizah binti Shukor.

AKTIVITI-AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN

1. JID Zakat Dan Sumber Am

Pada tahun 2015, Bahagian Baitulmal, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa (BPKA) telah menganjurkan dua siri program **JAWHAR Intellectual Discourse (JID)** berkaitan zakat dan sumber am, iaitu:

- i. JID Bil. 1/2015 pada 5 Mac 2015 (Khamis) dengan tema “Pengurusan Wasiat: Wasiat dan Amalannya dalam Masyarakat”; dan
- ii. JID Bil. 4/2015 pada 15 Oktober 2015 (Khamis) dengan tema “Manisnya Berzakat”.

LAPORAN TAHUNAN 2015

1.1. "Wasiat Dan Amalannya Dalam Masyarakat"

Bahagian Baitulmal dengan kerjasama BPKA telah menganjurkan program **JID Bil. 1/2015** pada 5 Mac 2015 (Khamis) bertempat di Auditorium Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya dengan tema "Pengurusan Wasiat: Wasiat dan Amalannya dalam Masyarakat".



Barisan VIP



Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hj. Anan bin C Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR dan telah disertai oleh lebih 500 orang peserta yang terdiri daripada penjawat awam sekitar Putrajaya dan juga pegawai-pegawai Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seluruh Malaysia.

Program JID pada kali ini diadakan dalam bentuk forum dengan menampilkan tiga orang ahli panel iaitu yang terdiri daripada:

- i) Ustaz Zamro bin Muda, Pensyarah Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
- ii) Ustaz Indera Shahril bin Mohd Shahid, Pengurus Harta Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS); dan
- iii) Tuan Hj. Mohd Nasir bin Yahya, Ketua Jabatan Pentadbiran Wasiat, Amanah Raya Berhad (ARB).



Sesi soal jawab oleh peserta



Panel jemputan

Manakala moderator yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan forum ini adalah Ustaz Shahru Ridhwan bin S. Ali daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Tema kali ini membincangkan topik **Pengurusan Wasiat** yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat Islam tentang konsep dan kaedah pengurusan wasiat dalam masyarakat Islam bagi

memastikan harta yang ditinggalkan dapat diwarisi oleh orang yang berhak. Ia juga bertujuan untuk memberi kefahaman yang jelas tentang kepentingan perancangan dan pengurusan wasiat menurut perspektif Islam yang melibatkan harta yang ditinggalkan oleh si mati selaras dengan tuntutan agama Islam.

Program yang berlangsung selama setengah hari ini mendapat sokongan dan sambutan yang baik daripada peserta yang hadir. Majlis berakhir pada jam 12.30 tengah hari dengan sesi penyampaian cenderahati oleh Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR kepada para panel jemputan.

1.2. "Manisnya Berzakat"

Bahagian Baitulmal dengan kerjasama BPKA sekali lagi telah berjaya menganjurkan program **JID Bil. 4/2015** pada 15 Oktober 2015 (Khamis) bertempat di Auditorium Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. JID pada kali ini dengan tema "Manisnya Berzakat" telah dirasmikan oleh En. Ahmad Musadad bin Hj. Sulaiman, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR. Dalam ucapan perasmianya, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR menekankan kepentingan dan hikmah berzakat. Di akhir ucapan, beliau mengucapkan terima kasih atas kehadiran para peserta dan seterusnya merasmikan JID Bil.4/2015 ini.

Pembentang kertas kerja dalam JID Zakat pada kali ini ialah:

- i) YBrs. Dr. Azman bin Ab. Rahman, Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Sains Malaysia (USIM); dan
- ii) Ustaz Hamizul bin Abd Hamid, Eksekutif Zakat (Dakwah), Lembaga Zakat Selangor (LZS).



Dalam pembentangan pertama, YBrs. Dr. Azman bin Ab. Rahman telah mengupas tajuk "Zakat Penyubur Harta Penyuci Jiwa" yang isinya menyentuh mengenai definisi zakat dan pensyariatannya, sejarah zakat, hikmah dan rahsia berzakat, keberkatan berzakat, keistimewaan berzakat, peranan zakat dan realiti keengganan membayar zakat di Malaysia. Manakala dalam pembentangan kedua, Ustaz Hamizul bin Abd Hamid telah membentangkan tajuk "Zakat Diperkasa, Asnaf Berjaya." Pembentang kedua banyak menegaskan hikmah berzakat dan membawa contoh tentang keadaan manusia yang meninggalkan berzakat termasuk Qarun yang ditenggelamkan bersama hartanya pada zaman Nabi Allah Musa AS.

Penganjuran program ini mendapat maklum balas yang baik daripada kakitangan Kerajaan di Kuala Lumpur dan Putrajaya yang merupakan sasaran utama program ini. Penyertaan juga diterima daripada kalangan peserta negeri Melaka dan Pahang. Secara keseluruhannya, sejumlah lebih 400 orang peserta telah menyertai program JID kali ini.

LAPORAN TAHUNAN 2015

2. Kunjungan Hormat Bahagian Baitulmal Jawhar Ke PPZ-MAIWP



Bahagian Baitulmal JAWHAR telah mengadakan **Kunjungan Hormat ke Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)** pada 30 Mac 2015 (Isnin) di Wisma PPZ, Kuala Lumpur. Kunjungan Hormat tersebut diketuai oleh En. Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR serta para pegawai Bahagian Baitulmal JAWHAR. Antara tujuan utama Kunjungan Hormat tersebut ialah bagi mengeratkan hubungan silaturahim serta bertukar-tukar pandangan antara JAWHAR dengan PPZ.

Kehadiran pihak JAWHAR telah disambut dan dialu-alukan oleh YBhg. Datuk Hj. Che Mat bin Che Ali selaku Pengerusi PPZ serta Pihak Pengurusan Tertinggi PPZ. Antara perkara-perkara yang dibincangkan dalam pertemuan tersebut ialah mengenai hasil Kajian Penentuan Kadar Uruf Pemakaian Emas di Kalangan Wanita Islam di Negeri-negeri Seluruh Malaysia, permohonan bagi pengecualian pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) dari dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), permohonan untuk mendapatkan rebat zakat perniagaan, isu kutipan zakat melangkaui sempadan negeri dan sebagainya.

Di akhir lawatan, rombongan dari JAWHAR telah dibawa melawat sekitar kaunter zakat PPZ serta pameran sekitar Sambutan Jubli Perak, 25 Tahun PPZ (1990-2015). Semoga lawatan ini akan dapat mengeratkan lagi jalinan kerjasama di antara kedua-dua pihak dalam usaha memartabatkan institusi zakat dan Baitulmal di Malaysia, insya-Allah.

3. Mesyuarat Penyelarasan Program Zakat Bersama MAIN Dan AMZ



Bahagian Baitulmal JAWHAR telah mengadakan tiga siri **Mesyuarat Penyelarasan Program Zakat Bersama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ)** sepanjang tahun 2015 sebagaimana berikut:

- i) Mesyuarat Bil. 1/2015 pada 13 Januari 2015 (Selasa) bertempat di Bilik Gerakan JAWHAR;
- ii) Mesyuarat Bil. 2/2015 pada 12 Mei 2015 (Selasa) bertempat di Hotel Swan Garden, Melaka; dan
- iii) Mesyuarat Bil. 3/2015 pada 6 Oktober 2015 (Selasa) bertempat di Hotel Capitol, Kuala Lumpur.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Hj. Anan bin C Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR dan disertai oleh wakil-wakil semua MAIN dan AMZ seluruh Malaysia, wakil agensi berkaitan serta para pegawai JAWHAR selaku urus setia.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk menyelaras dan menetapkan hala tuju program-program pengukuhan zakat bersama pihak MAIN dan AMZ di seluruh Malaysia. Selain itu, mesyuarat ini juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan jalinan mesra antara pihak JAWHAR, MAIN dan AMZ.

Antara agenda utama yang dibincangkan dalam siri-siri mesyuarat tersebut adalah berkenaan program outreach secara bersama antara JAWHAR, MAIN dan AMZ, program-program iklan dan promosi zakat melalui media massa, Kajian Penentuan Kadar Uruf Pemakaian Emas di Kalangan Wanita Islam di Negeri-Negeri Seluruh Malaysia, isu pemasangan papan tanda iklan zakat, program Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan dan Konvoi Kembara Zakat, penerbitan manual pengurusan berkaitan zakat, isu pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan sebagainya.



Sesi perbincangan sedang berlangsung

Program ini diharapkan akan dapat meningkatkan lagi jalinan kerjasama dan hubungan silaturahim antara pihak JAWHAR, MAIN dan AMZ seterusnya menyelaras serta memperkasakan lagi program-program pengukuhan institusi zakat di Malaysia demi *maslahah ummah*, insya-Allah.

4. Bengkel Penyediaan Garis Panduan Kadar Uruf Pemakaian Emas Di Kalangan Wanita Islam

Bahagian Baitulmal JAWHAR telah mengadakan dua siri **Bengkel Penyediaan Garis Panduan Kadar Uruf Pemakaian Emas di Kalangan Wanita Islam** seperti berikut:

- i) Bengkel Siri 1 pada 13 hingga 14 Mei 2015 (Rabu dan Khamis) bertempat di Hotel Swan Garden, Melaka; dan
- ii) Bengkel Siri 2 pada 7 hingga 8 Oktober 2015 (Rabu dan Khamis) bertempat di Hotel Capitol, Kuala Lumpur.

Siri-siri bengkel ini adalah rentetan daripada Mesyuarat bagi membincangkan Garis Panduan Uruf Pemakaian Emas di Kalangan Wanita Islam Seluruh Malaysia yang telah diadakan pada 21 April 2015 (Selasa) bertempat di Bilik Gerakan JAWHAR.



Sesi taklimat bersama wakil-wakil agensi yang terlibat



Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk membincangkan penyediaan Garis Panduan Kadar Uruf Pemakaian Emas di Kalangan Wanita Islam selaras dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-107 yang telah bersetuju supaya satu garis panduan kadar uruf pemakaian emas di kalangan wanita Islam disediakan untuk penyelarasan di peringkat negeri.

LAPORAN TAHUNAN 2015

Bengkel ini telah dihadiri oleh sekitar 40 orang peserta yang terdiri daripada wakil-wakil MAIN, AMZ, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), barisan pakar rujuk dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta para pegawai JAWHAR selaku urus setia.

5. Dokumentari "Al-Barakah: Ikon Asnaf Zakat"

JAWHAR dengan kerjasama Bahagian Media, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta Agensi Mengurus Zakat (AMZ) seluruh Malaysia telah menerbitkan rancangan televisyen bertajuk "al-Barakah: Ikon Asnaf Zakat" sebanyak 14 episod yang memaparkan kisah-kisah kejayaan para asnaf di seluruh Malaysia hasil bantuan yang diberikan daripada dana zakat.

Program ini adalah berpandukan kepada sebuah buku dengan tajuk yang sama hasil terbitan JAWHAR yang telah dilancarkan pada 10 Disember 2013 oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri sempena Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan 2013.

Rancangan televisyen berbentuk dokumentari yang berdurasi selama 25 minit ini telah disiarkan pada setiap hari Ahad bermula pada 26 Julai 2015 (Ahad), jam 6.30 petang di saluran TV1, Radio Televisyen Malaysia (RTM) serta siaran ulangannya pada hari Khamis berikutnya, jam 6.00 pagi.

Program dokumentari tersebut menonjolkan kepada masyarakat tentang kisah-kisah kejayaan para asnaf zakat mentransformasikan diri mereka keluar daripada kepompong kemiskinan, seterusnya mereka mampu berdikari dan akhirnya ramai di antara mereka yang menjadi penyumbang kepada dana zakat bagi membantu asnaf-asnaf yang lain.

Program ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pihak berkuasa zakat negeri melalui MAIN dan AMZ telah melakukan usaha yang terbaik dan berkesan bagi membantu mentransformasikan taraf hidup para asnaf melalui sumbangan zakat yang disalurkan oleh seluruh umat Islam.

Maklumat terperinci siaran rancangan mengikut setiap episod adalah sebagaimana jadual di sebelah:

LAPORAN TAHUNAN 2015

| EPISOD | TARIKH / MASA | IKON ASNAF | NEGERI | JUMLAH PENONTON |
|--------|------------------------------------|------------------------------------|---------------------|-----------------|
| 01. | 26 Julai 2015 (Ahad) / 6.30 petang | Yola Gusandra bin Abdul Rahman | Wilayah Persekutuan | 991,141 |
| | | Azirun bin Ramly | Wilayah Persekutuan | |
| 02. | 2 Ogos 2015 (Ahad)/ 6.30 petang | Abdul Naaim bin Azadin | Kedah | 1,037,529 |
| | | Mohd Fauzi bin Omar | Kedah | |
| 03. | 9 Ogos 2015 (Ahad)/ 6.30 petang | Sharifah Junaidah binti Syed Idrus | Perak | 892,763 |
| | | Faridah binti Yaakob | Perak | |
| 04. | 16 Ogos 2015 (Ahad)/ 6.30 petang | Zulkapli bin Ahmad | Kelantan | 991,489 |
| | | Ruzilawati binti Ghazali | Kelantan | |
| 05. | 23 Ogos 2015 (Ahad)/ 6.30 petang | Zuraini binti Awing @ Yusof | Kelantan | 1,372,085 |
| | | Novidarni binti Usman | Wilayah Persekutuan | |
| 06. | 30 Ogos 2015 (Ahad)/ 6.30 petang | Rosita binti Yunus | Melaka | 1,609,119 |
| | | Mohd Aidil bin Yatim | Melaka | |
| 07. | 6 Sept. 2015 (Ahad)/ 6.30 petang | Norlatifah binti Mohd Latif | Melaka | 1,242,324 |
| | | Siti Rohmah binti Osman | Perlis | |
| 08. | 13 Sept. 2015 (Ahad)/ 6.30 petang | Azizah binti Abdullah | Perlis | 1,254,868 |
| | | Shamsul Rizal bin Hashim | Perlis | |
| 09. | 20 Sept. 2015 (Ahad)/ 6.30 petang | Rosmawati binti Othman | Pahang | 1,280,399 |
| | | Razali bin Abd. Rahim | Pahang | |
| 10. | 27 Sept. 2015 (Ahad)/ 6.30 petang | Suaini bin Hussin | Pahang | 1,290,018 |
| | | Abdul Hamid Sagas bin Abdullah | Negeri Sembilan | |
| 11. | 4 Okt. 2015 (Ahad)/ 6.30 petang | Siti Nor Raha binti Tuhaijan | Selangor | 1,152,982 |
| | | Azmi bin Zain | Selangor | |
| 12. | 11 Okt. 2015 (Ahad)/ 6.30 petang | Saidati binti Mohamad | Terengganu | 1,297,649 |
| | | Mohd Sharif Foo bin Abdullah | Terengganu | |
| 13. | 25 Okt. 2015 (Ahad)/ 6.30 petang | Mohd Noh bin Zaini | Johor | 1,120,777 |
| | | Jelita binti A. Aziz | Johor | |
| 14. | 1 Nov. 2015 (Ahad)/ 6.30 petang | Ghazaly Ali bin Md. Abd. Latiff | Johor | 1,043,721 |
| | | Rusilah binti Nasro | Johor | |

LAPORAN TAHUNAN 2015

6. Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2015

JAWHAR dengan kerjasama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan MyAngkasa Amanah Berhad telah menganjurkan Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2015 pada 20 Ogos 2015 (Khamis) bertempat di Palm Garden Hotel, IOI Resort, Putrajaya dengan tema "Transformasi Baitulmal: Ke Arah Kelestarian Ummah". Penganjuran konvensyen ini telah disertai oleh lebih kurang 200 orang peserta dari seluruh negara yang disasarkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Penyertaan lain juga termasuk beberapa wakil terpilih daripada agensi, jabatan dan kementerian serta agensi-agensi korporat yang menjadi rakan strategik atau yang ada hubung kait dengan JAWHAR.

Fokus utama penganjuran konvensyen ini ialah untuk menjana idea-idea baru dan lebih praktikal dalam memperkasa institusi Baitulmal serta meneliti peluang bagi mewujudkan urus tadbir terbaik iaitu dengan menghasilkan resolusi yang bersesuaian dan relevan ke arah memantapkan pengurusan Baitulmal di Malaysia.

Konvensyen ini telah dirasmikan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri. YB Menteri juga telah melancarkan Sistem e-Khairat di dalam majlis perasmian Konvensyen ini. Penganjuran Konvensyen ini telah menyaksikan pembentangan enam kertas kerja yang memberi fokus dan penekanan terhadap tema utama iaitu "Transformasi Baitulmal: Ke Arah Kelestarian Ummah" menerusi pelbagai perspektif iaitu dari segi syarak dan perundangan, ekonomi dan kewangan, pelaburan dan pembangunan dan juga pengurusan.



Pembentangan kertas kerja di sampaikan oleh penceramah jemputan



Para tetamu jemputan yang hadir



Sesi konferensi YB Mejah Jeneral Dato' Seri Jamil Khr
bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2015 ini telah berakhir pada jam 4.30 petang dengan Ucapan Penutupan oleh YBhg. Datuk Hj. Anan bin C Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR serta pembentangan 6 resolusi yang bermatlamat ke arah transformasi Baitulmal yang menyeluruh di negara ini. Di antara resolusi tersebut ialah dengan menyusun semula struktur Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan struktur Baitulmal dari sudut perundungan dan struktur organisasi, memperkasa kecekapan sumber manusia dengan menggunakan khidmat pegawai perkhidmatan guna sama, melaksanakan satu kajian Pelan Transformasi Baitulmal bersama pakar dan penyelidik tempatan, melakukan transformasi pemikiran atau perubahan minda, melaksanakan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkesan berkaitan pentadbiran dan pengurusan Baitulmal serta melaksanakan transformasi pengurusan harta Baitulmal dengan penerokaan sumber-sumber baru dan sumber selain daripada hasil agama.

7. Portal Semakan Wang Khairat (Derma / Sedekah)

Pelancaran **Portal e-Khairat** telah disempurnakan oleh YB Mejah Jeneral Dato' Seri Jamil Khr bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 20 Ogos 2015 (Khamis) bersempena dengan Majlis Perasmian Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2015 bertempat di Palm Garden Hotel, IOI Resort, Putrajaya.



Penyerahan cenderamata oleh YB Menteri kepada YBhg KP
JAWHAR

Portal e-Khairat yang dibangunkan secara dalaman oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri ini, antara lain bertujuan bagi menyelaras data secara berpusat berkaitan kebenaran membuat kutipan khairat yang diberikan kepada pihak-pihak yang memungut sedekah di negeri-negeri yang mana mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan, aktiviti kutipan khairat perlu mendapat surat kebenaran daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di negeri tersebut.



Acara gimik persembahan

LAPORAN TAHUNAN 2015

Portal e-Khairat ini adalah satu laman yang boleh dilayari oleh orang awam bagi menyemak dan memudahkan mereka untuk mendapatkan pengesahan kesahihan surat kebenaran/sokongan kutipan khairat yang ditunjukkan oleh pihak-pihak yang memungut sedekah supaya tidak tertipu dan tidak mensia-sikan sumbangan wang yang disedekahkan demi kepentingan agama, namun disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Portal semakan e-Khairat ini boleh dilayari di alamat www.jawhar.gov.my/khairat.

8. Bengkel Pengukuhan Sumber Am Dan Penyelarasian Portal E-Khairat

Bahagian Baitulmal JAWHAR telah mengadakan **Mesyuarat Pengukuhan Sumber Am** bersekali dengan **Bengkel Penyelarasian Portal e-Khairat** pada 7 dan 8 September (Isnin dan Selasa) bertempat di Hotel Ibis Styles, Kuala Lumpur.



Potret kenangan peserta bengkel

Mesyuarat Pengukuhan Sumber Am dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Hj. Anan bin C Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR dan telah dihadiri oleh seramai 30 orang wakil dari semua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) serta urus setia dari JAWHAR. Antara tujuan mesyuarat ini ialah untuk membincangkan perkara berkaitan pengukuhan sumber am. Mesyuarat juga membincangkan Resolusi Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2015 serta mengusulkan cadangan penubuhan satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa e-Khairat.

Manakala Bengkel Penyelarasian Portal e-Khairat bertujuan memberi penerangan berkaitan Sistem e-Khairat kepada pegawai-pegawai MAIN dan JAIN termasuk peranan pentadbir sistem (JAWHAR/MAIN/JAIN) untuk mengawal selia keseluruhan operasi sistem dan pangkalan data Portal e-Khairat. Taklimat dan penerangan berkaitan portal ini telah disampaikan En. Zamfitri bin A Rahman dan En. Muhamad Ridzuan bin Sabli dari Seksyen Teknologi Maklumat JAWHAR. Pegawai-pegawai MAIN dan JAIN juga diberi latih amal berkenaan penggunaan portal ini. Mesyuarat dan bengkel yang dijalankan telah berjaya mencapai objektif yang digariskan.



Semoga program seperti ini akan dapat meningkatkan lagi jalinan kerjasama dan hubungan silaturahim antara pihak JAWHAR, MAIN dan JAIN seterusnya menyelaras serta memperkasakan lagi program-program pengukuhan sumber am di Malaysia demi maslahah ummah, insya-Allah.

9. Konvoi Kembara Zakat 2015

Bahagian Baitulmal JAWHAR telah mengadakan program **Konvoi Kembara Zakat (KKZ) 2015** pada 8 hingga 11 November 2015 (Ahad hingga Rabu) bertempat di Kampung Matupang, Ranau dan Kampung Timbang Batu, Kota Marudu, Sabah. KKZ 2015 ini dengan tema "Al-Barakah: Kembara Zakat Sabah" merupakan program kali ke-4 yang telah dilaksanakan sejak tahun 2012 lagi.



Sesi bergambar

Program KKZ 2015 ini adalah anjuran bersama JAWHAR, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dan Pejabat Setiausaha Persekutuan (SUP) Sabah dengan kerjasama semua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) seluruh Malaysia, Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan, Lembaga Tabung Haji (TH),

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) serta agensi-agensi terpilih. Penyertaan KKZ 2015 adalah seramai lebih 150 peserta dengan menggunakan 30 buah kendaraan pacuan empat roda (4x4) dan van.

Tujuan utama program KKZ 2015 ini diadakan adalah untuk mempromosikan JAWHAR selaku agensi penyelaras di peringkat persekutuan serta MAIN dan AMZ selaku agensi yang menguruskan zakat di peringkat negeri kepada umat Islam di seluruh Malaysia, dengan mengetengahkan program-program agihan zakat yang dilaksanakan oleh MAIN dan AMZ agar masyarakat mendapat maklumat mengenai peranan yang telah dimainkan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia.



Majlis perasmian bangunan Pusat Komuniti Kampung Timbang Batu, Kota Marudu, Sabah sempena KKZ 2015



Para peserta al-Barakah Konvoi Kembara Zakat Sabah 2015 bersama YB Datuk Haji Ariffin bin Mohd Arif, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah (berkemeja biru)

LAPORAN TAHUNAN 2015

Selain itu, program KKZ ini juga bertujuan untuk berkongsi pengalaman sesama para peserta konvoi serta mengeratkan jalinan kerjasama dan persefahaman antara semua agensi terlibat terutamanya JAWHAR, MAIN dan AMZ sebagai entiti yang telah diberikan amanah untuk mengendalikan urusan berkaitan zakat di Malaysia. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan bagi melaksanakan program melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan.

Majlis Pelancaran (*Flag-Off*) KKZ 2015 telah disempurnakan oleh YB Datuk Hj. Mohd Ariffin bin Mohd Arif, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah pada 9 November 2015 (Isnin) jam 9.00 pagi di perkarangan Masjid Negeri Sabah, Kota Kinabalu. Selepas upacara *flag-off*, semua peserta KKZ 2015 telah berkonvoi menuju ke dua lokasi yang telah dipilih iaitu Kampung Matupang, Ranau dan Kampung Timbang Batu, Kota Marudu.



[Deretan kenderaan KKZ 2015]

Antara aktiviti-aktiviti yang telah diadakan di dua lokasi berkenaan adalah Majlis Perasmian KKZ 2015 serta Pecah Tanah Pusat Komuniti yang akan dibina untuk aktiviti dan manfaat masyarakat setempat di kedua-dua lokasi, majlis penyampaian sumbangan kepada masyarakat Islam terutamanya saudara baru (*sirf muallaf*) dan aktiviti ramah mesra bersama penduduk setempat. Program-program tersebut menggunakan dana zakat yang disumbangkan oleh semua MAIN dan AMZ yang terlibat serta agensi-agensi terpilih yang telah menyumbang.

KKZ 2015 telah mendapat respons yang sangat positif daripada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung

dan program yang amat bermakna ini wajar diteruskan lagi pada tahun-tahun yang akan datang demi memartabatkan syariat Islam dan memperkasakan sosioekonomi ummah di Malaysia.



[Gambar kenangan para peserta al-Barakah KKZ 2015]

10. **Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Zakat Dan Karnival Usahawan Asnaf Kebangsaan 2015**

JAWHAR bersama-sama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dengan kerjasama semua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) seluruh negara telah berjaya menganjurkan **Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Zakat dan Karnival Usahawan Asnaf Kebangsaan 2015** pada 8 Disember 2015 (Selasa) bersamaan 26 Safar 1437H bertempat di Dataran Pusat Islam Melaka. Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan 2015 ini dengan tema "Zakat Dihayati, Asnaf Ditransformasi" merupakan program kali ke-7 yang telah dilaksanakan sejak tahun 2008 lagi, manakala Karnival Usahawan Asnaf 2015 pada 8 hingga 10 Disember 2015 pula merupakan program kali pertama yang diadakan di peringkat kebangsaan.

Sebelum Majlis Perasmian berlangsung, program Ijtima' Amil dan Asnaf Zakat Kebangsaan 2015 telah diadakan dengan Sesi Ceramah yang telah disampaikan oleh YBhg. S.S. Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan dengan tajuk "Kewajipan Membayar Zakat Kepada Pemerintah (Ulul-Amri)". Kemudian, program ini diteruskan lagi dengan Sesi Diskusi Zakat dengan tema "Zakat Dihayati, Asnaf Ditransformasi" yang dikendalikan oleh al-Fadhil Ustaz Ridzuan bin Awang (Jabatan Kemajuan

Islam Malaysia) selaku moderator. Sesi Diskusi Zakat pada kali ini menampilkan tiga ahli panel iaitu:

- i) al-Fadhil Ustaz Syed Norhisyam Tuan Padang Al-Idrus (Panel Tanyalah Ustaz TV9);
- ii) Puan Sharifah Junaidah binti Syed Idrus (Tokoh Usahawan Asnaf Negeri Perak); dan
- iii) Puan Rosna binti Hashim (Tokoh Usahawan Asnaf Negeri Melaka).



Para tetamu yang hadir



Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Zakat dan Karnival Usahawan Asnaf Kebangsaan 2015 telah disempurnakan perasmiannya oleh YBhg. Datuk Wira Hj. Yaakub bin Md. Amin, Timbalan Pengerusi MAIM mewakili YAB Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron, Ketua Menteri Melaka. Bagi menghargai jasa dan komitmen semua pihak yang terlibat dalam urusan zakat, Anugerah Zakat Kebangsaan 2015 telah disampaikan kepada tujuh penerima yang telah dipilih oleh Jawatankuasa Anugerah Zakat Kebangsaan, iaitu:

- i) Anugerah Ikon Asnaf Kebangsaan (Akademik) yang diberikan kepada YBrs. Dr. Muhamad Rozaimi bin Ramli dari negeri Perak;
- ii) Anugerah Ikon Asnaf Kebangsaan (Usahawan) yang diberikan kepada Encik Mohd Noh bin Zaini dari negeri Johor;

- iii) Anugerah Ikon Asnaf Kebangsaan (Usahawan Khas) yang diberikan kepada Encik Zulkapli bin Ahmad dari negeri Kelantan;
- iv) Anugerah Zakat Kebangsaan (Syarikat GLC) yang diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka;
- v) Anugerah Zakat Kebangsaan (Syarikat Sendirian Berhad) yang diberikan kepada Selia Selenggara Selatan Sdn. Bhd. dari negeri Melaka;
- vi) Anugerah Zakat Kebangsaan (Syarikat Awam Berhad) yang diberikan kepada Far East Holdings Berhad dari negeri Pahang; dan
- vii) Anugerah Inovasi Zakat Terbaik (Kutipan) yang diberikan kepada Lembaga Zakat Selangor.



Penyampaian mock-cheque kepada wakil usahawan asnaf dan sesi bergambar penerima-penerima usahawan asnaf

Bersempena dengan Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan 2015 juga, Karnival Usahawan Asnaf 2015 telah diadakan buat julung-julung kalinya di peringkat kebangsaan dengan menghimpunkan para usahawan asnaf zakat dari seluruh negara bagi tujuan promosi dan jualan produk asnaf zakat negeri masing-masing yang dibawa dan ditempatkan di gerai jualan mengikut negeri bertempat di Dataran Pusat Islam Melaka. Pelbagai produk yang diusahakan oleh para usahawan asnaf telah dibawa khas dari negeri masing-masing, antaranya produk makanan, pakaian, perhiasan, peralatan, kraf tangan, seni ukiran, kesihatan, kecantikan dan sebagainya. Ini merupakan satu bukti hasil usaha yang tidak kenal jemu oleh pihak MAIN dan AMZ di seluruh negara untuk mentransformasikan golongan asnaf supaya dapat berjaya dan keluar daripada kepompong kemiskinan.

LAPORAN TAHUNAN 2015

Secara keseluruhannya, Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Zakat dan Karnival Usahawan Asnaf Kebangsaan 2015 telah berjalan dengan lancar dan jayanya serta telah mencapai objektif-objektif yang telah digariskan terutamanya dalam memperkuatkkan jalinan kerjasama di antara semua pihak yang berkaitan dengan pengurusan zakat di Malaysia seterusnya meningkatkan profesionalisme pengurusan kutipan dan agihan zakat di Malaysia. Program ini wajar diteruskan lagi pada tahun-tahun hadapan kerana ia merupakan satu platform penting dalam usaha membuka mata masyarakat tentang kepentingan institusi zakat khususnya bagi membantu memperkasa sosioekonomi umat Islam di Malaysia melalui dana zakat.

11. Analisis Harga Emas Semasa Bagi Penentuan Nilai Nisab Zakat 2015M/1436H

Analisis harga emas semasa bagi penentuan nisab zakat emas bulanan merupakan salah satu prosedur kualiti di bawah MS ISO 1900:2005 yang dikendalikan oleh Bahagian Baitulmal. Analisis harga emas akan dibuat berdasarkan maklumat harga harian emas yang diperoleh daripada Institusi Kewangan bagi penentuan nilai nisab berdasarkan perkiraan ke atas nilai 85 gram emas (bersamaan 20 dinar (miskal)) dan diedarkan sebelum atau pada 15 hari bulan setiap bulan ke Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) sebagai rujukan. Maklumat purata harga emas bagi tahun 2015M/1436H adalah seperti di Jadual 1.

**Jadual 1 : HARGA PURATA HARIAN EMAS (85 GRAM)
TAHUN 2015M / 1436H**

| BIL | TAHUN 2015M | HARGA (RM) | TAHUN 1436H | HARGA (RM) |
|-----|-----------------------|-------------------|-----------------------|-------------------|
| 1 | Januari | 12,286.79 | Muharram | 10,730.36 |
| 2 | Februari | 12,007.37 | Safar | 11,302.17 |
| 3 | Mac | 11,852.98 | Rabiul Awwal | 11,857.03 |
| 4 | April | 11,909.47 | Rabiul Akhir | 12,298.98 |
| 5 | Mei | 11,814.60 | Jamadil Awwal | 11,816.23 |
| 6 | Jun | 12,070.77 | Jamadil Akhir | 12,020.53 |
| 7 | Julai | 11,734.91 | Rejab | 11,757.38 |
| 8 | Ogos | 12,406.94 | Syaaban | 11,964.41 |
| 9 | September | 13,243.89 | Ramadhan | 12,056.64 |
| 10 | Oktober | 13,436.31 | Syawal | 11,626.85 |
| 11 | November | 12,765.39 | Zulkaedah | 13,024.72 |
| 12 | Disember | 12,490.20 | Zulhijjah | 13,368.52 |
| | Jumlah setahun | 148,019.62 | Jumlah setahun | 143,823.82 |
| | Purata sebulan | 12,334.97 | Purata sebulan | 11,985.32 |

Berdasarkan Graf 1, didapati bahawa purata harga emas bulanan telah meningkat dari tahun 2011 hingga 2012. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2013, berlaku penurunan sehingga tahun 2014 dan kembali meningkat pada tahun 2015. Berdasarkan perbandingan kadar purata nisab harga emas pada Graf 1 di atas, purata harga emas bulanan adalah meningkat dari tahun

2014 ke 2015 iaitu sebanyak RM1,026.32 (9.08 peratus) dan dari tahun 1435 ke 1436 meningkat sebanyak RM684.58 (6.05 peratus). Situasi turun naik purata harga emas bulanan setiap tahun adalah dipengaruhi oleh harga harian emas di pasaran yang sentiasa berubah berdasarkan permintaan dan penawaran.

Graf 1 : Kadar Purata Nisab Harga Emas Bagi Tahun 2011M/1432H hingga 2015M/1436H



LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN KERJASAMA ANTARABANGSA (BPKA)



Kiri Dari belakang: Pn. Nor Fazilah binti Wahab, Pn. Marziana Mat Hassan, Pn. Siti Zaida binti Mahmood, En. Azizi bin Salleh, En. Khairul Anuar bin Khalid, En. Saifol Iskandar bin Md Kasim.

Kiri Dari depan: Tn. Hj. Abdullah bin Abd Rahman, Tn. Hj Mohd Bakri bin Ibrahim (Pengarah),
En. Mohd Faizal bin Ab Hamid

*Tidak ada dalam gambar : Pn. Noor Azura binti Zainal

A. UNIT PENYELIDIKAN

Aktiviti-Aktiviti Yang Dilaksanakan

1. JAWHAR Intellectual Discourse (JID)

JAWHAR Intellectual Discourse (JID) merupakan satu sesi perkongsian ilmu yang dianjurkan oleh Unit Penyelidikan dengan kerjasama setiap bahagian teras JAWHAR. Program ini diadakan sekali setiap tiga (3) bulan iaitu sebanyak 4 kali setahun. JID diadakan di Auditorium EA, Kompleks E, Pusat

Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya dan berjaya menarik penyertaan purata seramai 500 orang peserta bagi setiap sesi yang terdiri daripada penjawat awam sekitar Putrajaya, wakil-wakil daripada Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) dan pusat-pusat Islam lain. Sepanjang tahun 2015, 4 siri JID telah berjaya dilaksanakan seperti berikut;

| SIRI/ TARIKH | TEMA |
|-----------------------------------|---|
| JID Bil.1/2015 5 Mac 2015 | Pengurusan Wasiat: Tema "Wasiat dan Pengurusannya dalam Masyarakat" |
| JID Bil.2/2015 16 April 2015 | Wakaf : Tema "Bahagia Dunia Akhirat" |
| JID Bil.3/2015 21 Mei 2015 | Umrah / Haji: Tema "Penipuan Umrah Dan Badal Haji" |
| JID Bil.4/2015 15 Oktober 2015 | Baitulmal: Tema "Manisnya Berzakat" |

2. Sistem Pengurusan Kualiti Jawhar

Unit Penyelidikan bertanggungjawab sebagai urusetia bagi sistem pengurusan kualiti jabatan JAWHAR telah mendapat pensijilan MS ISO 9001: 2000 - Sistem Pengurusan Kualiti pada tahun 2007. Pensijilan ini telah dinaiktaraf kepada MS 9001: 2008 pada tahun 2008. Pada tahun 2010, JAWHAR telah mendapat pensijilan MS 1900: 2005 – Sistem Pengurusan Kualiti: Keperluan Daripada Perspektif Islam. Pada penghujung tahun 2010 juga, kedua-dua pensijilan MS ISO 9001: 2008 & MS 1900: 2005 digabungkan ke dalam satu sijil iaitu MS 1900: 2005 memandangkan prosedur dan manual kualiti kedua-dua sijil adalah sama dan bagi mengelakkan pengauditan berulang oleh pihak SIRIM. Audit Pematuhan MS ISO 9001:2008 dan MS 1900:2005 di JAWHAR oleh pihak SIRIM telah diadakan pada 9-10 Julai 2014 melibatkan seramai 3 orang juruaudit daripada SIRIM. Hasil daripada audit tersebut, JAWHAR telah mengekalkan pensijilan yang diperolehi. MS ISO 9001:2008 dan MS 1900:2005.

Pada 9 Ogos 2015 yang lalu, Kursus Pemerkasaan Sistem Pengurusan Kualiti JAWHAR telah diadakan di Ancasa Residences Port Dickson, Negeri

Sembilan oleh Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) Seramai 20 orang telah terlibat menjayakan kursus ini terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan baru di Jabatan.

Kursus Pemerkasaan Sistem Pengurusan Kualiti JAWHAR yang diadakan bertujuan untuk memantapkan tadbir urus dan pengurusan jabatan, memberi pemahaman dan penghayatan berkaitan Sistem Pengurusan kualiti di kalangan warga JAWHAR terutamanya di kalangan warga baru. Kursus ini juga dapat memberi latihan berterusan (setiap tahun) kepada Juruaudit Dalam MS ISO JAWHAR mengenai proses pelaporan dan dokumentasi audit yang baik.

Sebanyak 5 Slot Ceramah telah dibentangkan oleh YBrs. Encik Wan Rukiman bin Wan Mamad dan dibengkelkan meliputi isu-isu berkaitan Pengenalan Sejarah MS, Kepentingan, Struktur dan Dasar Kerajaan berkaitan Pengurusan Kualiti, Konsep Asas MS ISO 9001:2008, Pelaksanaan MS ISO, Dokumentasi, Objektif Kualiti, Tanggungjawab Pengurusan, Prosedur Pindaan Dokumentasi dan Prosedur Audit Kualiti".

3. Urusan Parlimen

Unit Penyelidikan yang merupakan urusetia bagi urusan berkaitan Parlimen jabatan telah membuat penyelarasan berkesan bagi memastikan perkara tersebut berjalan dengan lancar sepanjang tahun 2015. Penyelarasan yang telah dilakukan termasuklah menyelaraskan jawapan dari semua bahagian terhadap semua pertanyaan lisan dan bukan lisan kepada jabatan, menyelaraskan jawapan jabatan bersama Pejabat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, menguruskan kehadiran pegawai bertugas bagi setiap sesi mesyuarat dan maklumbalas

LAPORAN TAHUNAN 2015

segera bagi setiap isu yang dibangkitkan dalam dewan persidangan. Unit ini juga bertanggungjawab dalam penyediaan maklumat berkaitan urusan Parlimen, pengemaskinian buku statistik dan lain-lain dokumen yang diperlukan sebagai rujukan pegawai bertugas. Penyelarasian telah dilakukan bagi mesyuarat parlimen Penggal Kedua, Parlimen Ketiga Belas seperti berikut;

| PERKARA | TARIKH | BILANGAN HARI |
|--------------------------|--------------------------|---------------|
| Mesyuarat Pertama | | |
| Dewan Rakyat | 7 Mac – 9 April | 20 hari |
| Dewan Negara | 7 Mac , 18 April – 4 Mei | 10 hari |
| Mesyuarat Kedua | | |
| Dewan Rakyat | 18 Mei – 18 Jun | 12 hari |
| Dewan Negara | 22 Jun – 7 Julai | 20 hari |
| Mesyuarat Ketiga | | |
| Dewan Rakyat | 19 Oktober – 3 Disember | 25 hari |
| Dewan Negara | 7 Disember -22 Disember | 10 hari |

Semua maklumat berkaitan urusan parlimen juga telah dikemaskini dalam sistem Sis-Parlimen. Sistem ini merupakan singkatan bagi sistem Parlimen yang dibangunkan bertujuan untuk membantu pengurusan dan penyimpanan maklumat yang diperoleh daripada catatan oleh pegawai bertugas, seterusnya bagi proses penyediaan laporan semasa persidangan berlangsung di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Sistem ini diperkenalkan bagi meningkatkan mutu urusan parlimen di JAWHAR supaya lebih efisien dan berkesan.

4.

Penerbitan

Bagi maksud perkongsian ilmu dan pengukuhan Institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji, beberapa bahan penerbitan telah dihasilkan. Penerbitan sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

| Penerbitan | Kandungan |
|-------------------|--|
| Jurnal Pengurusan | Vol. 9, No. 1, 2015 Vol. 9, No. 2, 2015 |
| Buletin | Buletin JAWHAR Bil.1/2015 Buletin JAWHAR Bil.2/2015 Buletin JAWHAR Bil.3/2015 Buletin JAWHAR Bil.4/2015 |
| Manual Pengurusan | Manual Manasik Haji Ifrad, Haji Qiran dan Haji Tammatu' |
| Laporan Tahunan | Laporan Tahunan JAWHAR 2014 |

5.

Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-57

JAWHAR sekali lagi telah diberikan tanggungjawab sebagai Pengurus Jawatankuasa Kerja Jamuan sempena Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa (MTHQA) Kali ke-57. Tahun 2015 merupakan tahun ketiga JAWHAR diberikan kepercayaan dan tanggungjawab sebagai Pengurus JK Kerja ini. Majlis ini telah berlangsung di PWTC dari 9-13 Jun 2015. Jawatankuasa kerja ini turut dianggotai oleh wakil daripada Agensi luar seperti JAKIM, Jab. Arkib Negara, Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pejabat Istana Negara, Yayasan Waqaf Malaysia dan wakil PWTC. Bajet sebanyak RM 150,000.00 telah diperuntukkan bagi urusan penyediaan jamuan (buffet dan bungkus) kepada petugas/urusetia, media, jemputan awam dengan bas, peserta, Jemaah Hakim, VIP dan VVIP sepanjang majlis ini berlangsung.

6. Keurusetiaan Mesyuarat

Unit ini juga terlibat sebagai penyelaras bagi menyediakan maklumbalas Jabatan terhadap Mesyuarat-mesyuarat utama yang di adakan. Penyelarasan maklumbalas di sediakan bagi mesyuarat-mesyuarat seperti berikut:

- Mesyuarat Majlis Raja-Raja
- Mesyuarat Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI)
- Persidangan Ketua Jabatan (PKJ)
- Mesyuarat Penyelarasan Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MPBM)
- Mesyuarat pengurusan JPM
- Mesyuarat TKSU Kanan bersama ketua-ketua bahagian dan agensi di bawah JPM

B. UNIT KERJASAMA ANTARABANGSA

LATAR BELAKANG DAN PENGENALAN KEPADA UNIT UMRAH

1. Unit umrah merupakan fungsi baru yang diwujudkan selepas pemerkaasan JAWHAR (reorganisation) pada suku pertama 2014 yang menyaksikan Bahagian Haji yang bergabung dengan Bahagian Penyelidikan dan Penyelaras. Dengan penggabungan ini, maka wujudlah satu bahagian yang baru pada April 2014, yang dinamakan Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa.
2. Pada peringkat awal penubuhan pada 2004, JAWHAR tidak terlibat secara langsung dengan pengendalian umrah. Ini kerana hasrat asal penubuhan JAWHAR, pada 2 Jun 2004, sebagaimana keputusan Jemaah Menteri, fungsi-fungsi JAWHAR adalah untuk menyelaras, memantau dan menyeragamkan sistem wakaf, zakat dan urusan haji.

3. Namun begitu memandangkan keskes penipuan umrah dilaporkan terus kepada JAWHAR oleh orang ramai dan mengambil kira umrah merupakan ibadah, JAWHAR telah dilantik sebagai ahli Majlis Kawal Selia Umrah yang dipengerusikan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPKM) selaku pemengang Akta Industri Pelancongan 1992. KPBM di bawah akta ni bertanggungjawab memberi lesen kepada syarikat outbound yang menjual pakej umrah.

4. Sebagai ahli dalam MKSU, JAWHAR telah diberi peranan berikut:
 - i. Membangunkan dan menyelia portal i-Umrah - www.jawhar.gov.my/umrah aplikasi mobil i-umrah
 - ii. Mengadakan Taklimat Kesedaran Penipuan Pakej Umrah dan Kursus Bimbingan Umrah
 - iii. Membangunkan Silibus Kursus Khas Pengendalian Pakej Umrah (*Umrah Specialized Enhancement Course-USEC*)
 - iv. Mengendalikan Kursus USEC sebagai pra-syarat sebelum sub lesen Umrah dikeluarkan (*Umrah Specialized Enhancement Course-USEC*)

AKTIVITI – AKTIVITI YANG TELAH DILAKSANAKAN

1. Portal i-Umrah www.jawhar.gov.my/umrah dan aplikasi mobil i-umrah

Portal i-Umrah merupakan portal interaktif yang menyalurkan maklumat mengenai agensi-agensi pengelola umrah yang berstatus Muassasah sebagai rujukan utama masyarakat Islam di Malaysia. Melalui portal ini masyarakat boleh menyemak status syarikat yang bertaraf

LAPORAN TAHUNAN 2015

Muassasah yang dikemaskini dengan senarai daripada Kedutaan Arab Saudi. Selain itu rujukan terhadap panduan manasik, pengurusan umrah di Malaysia, serta aduan dan soalan juga turut boleh dipanjangkan melalui portal ini.

Portal i-umrah telah dibuka secara asas pada tahun 2014 dan pada tahun 2015 dibangunkan semula dengan diberikan nafas baru sebagai platform yang interaktif untuk pengguna. Selain itu satu aplikasi mobil mudah alih google play turut dibangunkan sebagai alternatif kepada portal ini 2015. Portal dan aplikasi i-Umrah telah tersenarai dalam projek Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri yang mendapat penghargaan pada Hari Inovasi JPM pada 29 September 2015. Portal i-umrah telah mencatat lebih 12,000 hits sepanjang 2015 yang membuktikan bahawa portal ini menjadi rujukan utama orang awam.

2. **Taklimat Kesedaran Penipuan Paket Umrah dan Kursus Bimbingan Umrah**

Taklimat dan kursus ini pada mensasarkan orang awam dalam menyampaikan maklumat berkaitan Muamalah Paket Umrah, kaedah memilih syarikat serta informasi penting berkaitan penipuan paket umrah serta bimbingan manasik ibadat umrah.

Sepanjang tahun 2015, JAWHAR telah terlibat dalam 35 siri taklimat ke seluruh negeri-negeri di Malaysia. 35 siri jelajah ini adalah terdiri daripada 15 siri taklimat dengan kerjasama MKSU, 5 anjuran JAWHAR dan 15 jemputan daripada agensi kerajaan/badan berkanun. Lebih 3,000 orang peserta dijangka telah hadir ke semua sesi taklimat tersebut. Selain itu JAWHAR telah juga turut bersiaran di TV Al-Hijrah pada 27 Mac 2015 bersama dengan KPBM dalam menyampaian isu penipuan paket umrah.

3.

Jalinan Kerjasama Pintar (MOU) JAWHAR dan Institut Profesional BaitulMal (IPB)

Pada 24 Mac 2015, JAWHAR telah menandatangani MOU dengan IPB untuk mengadakan jalinan kerjasama latihan berkaitan Haji dan Umrah. Ini merupakan langkah pertama dalam memastikan Silibus Kursus Khas Pengendalian Paket Umrah (Umrah Specialized Enhancement Course-USEC) dapat diterap di dalam modul kursus IPB. Langkah ini juga penting bagi memastikan IPB dapat dilantik sebagai pengendali lathan unggul bagi Kursus USEC yang disasarkan kepada syarikat pengendalian umrah sebagai pra-syarat sebelum sub lesen Umrah dikeluarkan (Umrah Specialized Enhancement Course-USEC).

Unit Antarabangsa

1. Jemputan Khusus sebagai Peserta Forum Isu-Isu Fiqh Wakaf Ke-7 di Negara Bosnia & Herzegovina.

| | |
|--------|-----------------------------|
| Tarikh | : 27 - 29 Mei 2015 |
| Tempat | : Sarajevo, Negara Bosnia & |

2. Jemputan Khusus oleh Yayasan Wakaf Australia sebagai Pembentang Kertas Kerja bertajuk : 'Senario Perkembangan Pembangunan Wakaf Di Malaysia'.

| | |
|--------|----------------------|
| Tarikh | : 8 – 9 Ogos 2015 |
| Tempat | : Sydney, Australia. |

3. Persidangan Waqaf Kali Ke-22 Di Kuwait sebagai Pembentang Kertas Kerja bertajuk : "Pemacu Amalan Berwakaf: Pengalaman Malaysia Dalam Berwakaf".

| | |
|--------|---------------------|
| Tarikh | : 27 – 28 Dis. 2015 |
| Tempat | : Kuwait |

- a. **Jemputan Khusus Sebagai Peserta Forum Isu-Isu Fiqh Wakaf Ke-7 Di Negara Bosnia & Herzegovina, Pada 27 Hingga 29 Mei 2015, Di Sarajevo, Negara Bosnia & Herzegovina**

Latar Belakang:

- i. Forum Isu-Isu Fiqh Wakaf Ketujuh merupakan salah satu projek kerjasama antarabangsa negara-negara Islam dalam isu-isu yang berkaitan dengan wakaf. Program ini dianjurkan oleh Kuwait Awqaf Public Foundation (Yayasan Wakaf Kuwait) dengan kerjasama Islamic Development Bank (Bank Pembangunan Islam) yang berpusat di Jeddah dengan Negara Bosnia & Herzegovina dipilih sebagai penganjur.
- ii. Forum ini tercetus hasil daripada Mesyuarat Menteri-Menteri Wakaf di seluruh dunia yang telah diadakan di Jakarta pada 1997. Forum ini diadakan secara dwi tahunan yang bermula pada 2003 bertempat di Kuwait. Seterusnya pada 2005 dan 2007 juga diadakan di Kuwait dan pada 2009 forum ini telah diadakan di Maghribi. Untuk edisi yang kelima iaitu pada 2011 Negara Qatar telah menganjurkannya dan forum yang keenam bertempat di Turki pada 2013.

iii. Pemilihan Negara Bosnia & Herzegovina untuk edisi kali ini adalah bertepatan dengan status negara tersebut yang merupakan sebuah negara yang membangun dengan hasil-hasil wakaf daripada umat Islam selepas perlakunya perang Bosnia pada 1992 – 1995. Bosnia & Herzegovina turut dikenali juga sebagai Negara Wakaf (Daulah al-Waqf).

iv. Seramai lebih 70 peserta daripada seluruh dunia telah menghadiri forum ini. Kebanyakan peserta adalah daripada negara-negara Arab seperti Kuwait, Jordan, Bahrain, Syria, Tunisia, Maghribi, Iraq, Arab Saudi, Mesir, Emiriah Arab Bersatu dan Qatar. Terdapat juga wakil-wakil daripada negara-negara bukan Arab yang menyertai forum ini seperti Bosnia & Herzegovina, Kosovo, Turki, Greece, Romania, Perancis, New Zealand dan Malaysia.

v. Penyertaan Malaysia dalam forum ini adalah sebagai jemputan khusus yang diberikan oleh Kerajaan Negara Bosnia & Herzegovina kerana sumbangan kerajaan Malaysia yang terlalu banyak dalam membangunkan negara tersebut. Selain itu, jemputan dibuat adalah berdasarkan rentetan daripada kejayaan Malaysia yang telah berjaya menganjurkan Seminar Wakaf Antarabangsa pada Disember 2014 yang lalu.

LAPORAN TAHUNAN 2015

- vi. Malaysia juga telah diberikan penghormatan untuk menyampaikan ucaptama sebagai wakil peserta dalam Majlis Perasmian Forum yang turut dihadiri oleh Presiden Bosnia & Herzegovina Bakir Izzat Begovic dan Muffi Kerajaan Bosnia & Herzegovina Syeikh Hussain Kafasovic. Ucapan sebagai wakil peserta telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Haji Anan bin C. Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR dalam Bahasa Arab.
- b. **Jemputan Khusus Oleh Yayasan Wakaf Australia Sebagai Pembentang Kertas Kerja Bertajuk: 'Senario Perkembangan Pembangunan Wakaf Di Malaysia' Sempena Forum Pembangunan Wakaf Yang Telah Berlangsung Di Waterview Conference & Events Centre, Bicentennial Park, Sydney, Australia Pada 8 – 9 Ogos 2015.**
- Latar Belakang:
- i. Forum Pembangunan Wakaf merupakan salah satu projek kerjasama antarabangsa negara-negara Islam dalam isu-isu yang berkaitan dengan wakaf. Program ini dianjurkan oleh Islamic Research and Training Institute (IRTI) di bawah seliaan Islamic Development Bank (Bank Pembangunan Islam) yang berpusat di Jeddah. Turut menjayakan forum ini ialah Kuwait Awqaf Public Foundation (Yayasan Wakaf Kuwait) dan Australia melalui Yayasan Wakaf Australia bertindak sebagai negara pengajur.
 - ii. Pemilihan Australia sebagai tuan rumah adalah bertujuan untuk memperkasakan institusi wakaf bagi negara tersebut. Australia adalah negara minoriti umat Islam mempunyai kira-kira seramai 130,000 penganut Islam yang kini sedang berusaha dalam membangunkan harta-harta wakaf yang terdapat di negara itu bagi tujuan pembangunan sosio-ekonomi umat Islam. Selepas berakhir forum tersebut, Yayasan Wakaf Australia telah dilancarkan secara rasmi oleh Sahibus Samahah Mufti Am bagi Negara Australia iaitu Dr. Ibrahim Abu Muhammad dan beliau juga merupakan mantan pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA).
 - iii. Seramai kira-kira 120 orang peserta daripada pelbagai negara telah menghadiri forum tersebut antaranya Kuwait, Arab Saudi, Algeria, Bangladesh, New Zealand, Jordan, Singapura, Tunisia, Turki, Fiji, Bahrain, Malaysia dan Australia.
 - iv. Penyertaan Malaysia dalam forum ini adalah sebagai jemputan khusus yang diberikan oleh Yayasan Wakaf Australia kerana sumbangan kerajaan Malaysia yang terlalu banyak dalam membangunkan prasarana yang berkaitan dengan wakaf. Selain itu, jemputan dibuat adalah berdasarkan rentetan daripada kejayaan Malaysia yang telah berjaya menganjurkan Seminar Wakaf Antarabangsa pada Disember 2014 yang lalu dan juga atas dasar ucaptama yang diberikan oleh Ketua Pengarah JAWHAR YBhg. Datuk Haji Anan bin C. Mohd semasa penyertaan Malaysia

- dalam Forum Isu-Isu Fiqh Wakaf yang telah diadakan di Sarajevo pada Mei 2015. Forum Isu-Isu Fiqh Wakaf di Sarajevo juga dianjurkan oleh Bank Pembangunan Islam dan Yayasan Wakaf Kuwait.
- v. Malaysia juga telah diberikan penghormatan untuk membentangkan kertas kerja berkaitan dengan institusi wakaf di Malaysia. Kertas kerja bertajuk "Senario Perkembangan Pembangunan Wakaf Di Malaysia" telah dibentangkan oleh YBhg. Ketua Pengarah JAWHAR iaitu Datuk Haji Anan bin C. Mohd dalam Bahasa Arab.
- c. **Persidangan Waqaf Kali Ke-22 Di Kuwait Sebagai Pembentang Kertas Kerja Bertajuk: "Pemacu Amalan Berwakaf: Pengalaman Malaysia Dalam Berwakaf"**
Pada 27 Hingga 28 Disember 2015.

BERITA KUWAIT

JAWHAR DI PERSADA ANTARABANGSA – KUWAIT

Selepas Bosnia & Herzegovina dan Sydney, Australia, aktiviti JAWHAR di persada antarabangsa diteruskan lagi bagi menutup kalendar tahun 2015. Pada tanggal 27 – 28 Disember 2015, JAWHAR yang diwakili YBhg. Datuk Ketua Pengarah telah menghadiri Persidangan Wakaf Kali Ke-22 yang telah berlangsung di Messilah Jumeirah Beach & Spa, Kuwait City, Kuwait.

Penglibatan Malaysia dalam persidangan ini adalah jemputan khusus daripada Putera Mahkota Kuwait iaitu Syeikh Nawwaf al-Ahmad al-Jabir as-Sabah melalui Yayasan Wakaf Kuwait bagi membentangkan kertas kerja berkaitan pembangunan wakaf di Malaysia. Jemputan yang dibayai sepenuhnya oleh Kerajaan Kuwait dibuat atas dasar sumbangan Malaysia yang terlalu banyak dalam membangunkan prasarana yang berkaitan dengan wakaf.

Kertas kerja bertajuk '**Peneraju Amalan Berwakaf : Pengalaman Malaysia Dalam Berwakaf**' telah disampaikan dengan jayanya oleh YBhg. Datuk Ketua Pengarah JAWHAR di dalam Bahasa Arab.

Persidangan Wakaf Kali Ke-22 yang bertemakan '**Pentadbiran Wakaf...Kesempurnaan dan Kepimpinan**' antara lain telah menampilkan pembentang daripada lapan buah negara. Negara-negara tersebut ialah Kuwait, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Algeria, Mesir, Qatar, Australia dan Malaysia. Rata-rata peserta yang hadir menyertai persidangan ini begitu teruja dan tertarik dengan pembangunan wakaf yang telah dilakukan di Malaysia dan mereka juga berharap agar dapat datang ke Malaysia bagi melihat sendiri pembangunan wakaf yang telah dilakukan.

LAPORAN TAHUNAN 2015



04



LAPORAN
PERKHIDMATAN
BAHAGIAN
SOKONGAN

SEKSYEN PENGURUSAN DAN KEWANGAN



Baris Pertama Dari Belakang (kiri): En. Hasbullah Huzaini bin Che Hassan, En. Zainuddin bin Abdul Samad, En. Zamfitri bin A. Rahman, En. Zamri bin Ridzuan, En. Mohammad Basri bin Razak.

Baris Kedua: En. Ishak bin Abu, En. Idzharudin bin Ibrahim, En. Rizan bin Maidin, En. Mohd Fazri bin Zulkainaini, En Firdaus bin Kasim, En. Mohd Fadhil Khairy bin Abdullah, En. Issyemmu'ddeen bin Iesa.

Baris Ketiga: Nur Anis Lyana Binti Mohamad Shokri, Pn. Nurashikin binti Suandi, Pn. Noraini binti Md Zin, Cik Muzazila binti Mustari, Pn. Nurfadzina binti Abdul Latif, Pn. Zini binti Othman, Pn. Shafina Ariani binti Ahmad.

Baris Hadapan: Cik Saedah binti Hussin, Cik Julia binti Mohd Nasir, Pn. Ili Raidah binti Mahat, Pn Nurain binti Mhd sharif, Pn. Rosnita binti Ismail, Pn. Salmah binti Shahidan (Ketua Penolong Pengarah), Pn. Norlizah binti Mainoordin, Pn. Kamalia binti Kamarudin,

*Tiada dalam gambar: En. Rohaizit bin Abdul Rashid, En. Mohamed Khallam bin Ismail, En. Mohamed Khairudin bin Abdul Rashid, En. Aizan bin Ibrahim.

AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIJALANKAN

1. Program Latihan Praktikal

JAWHAR turut menyediakan tempat bagi para mahasiswa dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk menjalani latihan praktikal. Senarai nama mahasiswa yang telah menjalani latihan praktikal di JAWHAR bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:-

LAPORAN TAHUNAN 2015

| BIL | NAMA | BAHAGIAN | IPTA/ IPTS | TEMPOH |
|-----|----------------------------------|---|-------------------------------|-------------------------|
| 1. | A'isyah Binti Mohd Roseli | Baitulmal | Kolej Dar Al-Hikmah | 12.01.2015 – 13.03.2015 |
| 2. | Nur Wahida Binti Ani | Wakaf | USIM | 23.02.2015 – 12.06.2015 |
| 3. | Izzat Hanafi Bin Mohammad Sayuti | Baitulmal | USIM | 23.02.2015 – 12.06.2015 |
| 4. | Nur Munirah Binti Mahmud | Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa | USIM | 23.02.2015 – 12.06.2015 |
| 5. | Amir Bin Mazmi | Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa | Kolej Dar Al-Hikmah | 24.08.2015 – 23.10.2015 |
| 6. | Fatin Nadiah Binti Nazeman | Bahagian Khidmat Pengurusan | Kolej Universiti Islam Melaka | 14.12.2015 – 22.01.2016 |

2. Pelaksanaan Bengkel/ Kursus/ Seminar/ Latihan

Bagi meningkatkan tahap kemahiran dan kompetensi pegawai, JAWHAR juga telah menganjurkan beberapa kursus dan juga bengkel melalui kerjasama dengan pihak luar. Antara program yang telah dianjurkan adalah seperti berikut:

| BIL | PROGRAM | TARIKH/TEMPAT | TUJUAN |
|-----|--|---|--|
| 1. | Seminar Pembangunan Kendiri | 6 Mei 2015 Hotel Carlton Holiday, Shah Alam | Memberi pendedahan kepada peserta tentang ciri-ciri penjawat awam yang berjaya. |
| 2. | Kursus Sijil Pembimbing Ibadah Haji (SPIH) | 1 – 6 Mei 2015 Hotel Bluewave, Shah Alam | Memberi bimbingan dan latihan berkaitan ibadah haji |
| 3. | Kursus Pengurusan Keselamatan Perlindungan | 2 – 4 September 2015 Hotel Suria City, Johor Bahru | Memberi pendedahan dan kefahaman mengenai dasar, prosedur dan arahan yang berkaitan keselamatan perlindungan |
| 4. | Kursus Transformasi Diri JAWHAR 2015 | 9 – 11 September 2015 Eagle Ranch Resort, Port Dickson | Membangunkan individu kearah kecemerlangan diri, kerjaya dan organisasi, menyeimbangkan jati diri, mental, kerohanian dan kecerdasan fizikal, dan mengharmonikan diri dengan alam murni ciptaan Ilahi. |

LAPORAN TAHUNAN 2015

| | | | |
|----|--|---|---|
| 5. | Bengkel Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2016 | 25 – 27 November 2015 Gold Coast Morib, Selangor | Memberi penjelasan mengenai proses dan kaedah penyediaan SKT di JAWHAR |
| 6. | 2 nd Conference On Islamic Wealth Management & Financial Planning | 26 Mac 2015 Malaysian Financial Planning Council, KL | Memberikan bimbingan dan pendedahan berkaitan perancangan kewangan |
| 7. | Microsoft Excel 2013 (Advance) | 17 – 18 November 2015 Comsystem, Wisma Goshen, KL | Memberikan latihan dan bimbingan berkaitan Microsoft Excel 2013 (Advance) |

3. Pelaksanaan Hari Bersama Ketua Pengarah

Program ini dijalankan setiap bulan sepanjang tahun 2015. Program ini bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturrahim sesama warga Jabatan disamping menjadi medium bagi menyampaikan sebarang amanat, arahan, dasar semasa kerajaan dan perkongsian maklumat program ini di seliakan oleh BKP dan juga urus setia bersama bahagian-bahagian lain seperti berikut:

| BIL | BAHAGIAN | TARIKH/BULAN |
|-----|---|--------------|
| 1 | Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) | 23/1/2015 |
| 2 | Bahagian Baitulmal | 17/2/2015 |
| 3 | Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa (BPKA) | 27/3/2015 |
| 4 | Bahagian Wakaf | 24/4/2015 |
| 5 | Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) | 29/5/2015 |
| 6 | Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) | 25/6/2015 |
| 7 | Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) | 30/7/2015 |
| 8 | Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa (BPKA) | 28/8/2015 |
| 9 | Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) | 22/9/2015 |
| 10 | Bahagian Wakaf | 29/10/2015 |
| 11 | Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa (BPKA) | 27/11/2015 |
| 12 | Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) | 15/12/2015 |

4. Tuan Rumah Sempena Perhimpunan Bersama TKSUK

JAWHAR telah menjadi tuan rumah sempena perhimpunan bersama TKSUK pada 29 April 2015 di Auditorium Kompleks B1, Jabatan Perdana Menteri (JPM). Pasukan koir JAWHAR menyampaikan tiga buah lagu semasa perhimpunan tersebut, iaitu Lagu Negaraku, Maju dan Sejahtera dan Transformasi Berjaya Rakyat Sejahtera.

5. Program Gotong Royong Perdana 5S

i. Siri 1/2015

Satu program gotong-royong perdana siri pertama diadakan di Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) bagi program 5S Jabatan pada 6 Mac 2015 dan bermula seawal jam 9.30 pagi. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Anan bin C. Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR.

Objektif pelaksanaan gotong-royong ini adalah bertujuan menggalakkan semua agar lebih mementingkan kebersihan selain dapat mengeratkan tali silaturrahim sesama warga JAWHAR. Gotong-royong ini melibatkan pembersihan disemua zon 5S dan dipantau oleh ketua zon masing-masing. Acara gotong-royong berakhir pada pukul 4.30 petang dan program gotong-royong ini dijangka akan dilaksanakan sekali lagi pada penghujung tahun 2015.

ii. Siri 2/2015

Lanjutan daripada Program Gotong Royong Perdana 5S siri 1/2015, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) telah mengadakan Program Gotong Royong Perdana 5S siri 2/2015 pada 18 Disember 2015 di mana ianya melibatkan semua warga Jabatan. Program kali ini telah dirasmikan oleh YBrs. En. Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR.

Program bermula pada jam 10.00 pagi dan berakhir pada jam 5.00 petang. Tujuan program gotong royong ini diadakan adalah untuk menyisih dan menyusun barang dan peralatan yang tidak diperlukan untuk disimpan ke dalam

kotak bagi proses perpindahan ke bangunan baru kelak. Program ini meliputi semua bahagian dan juga stor penyimpanan barang Jabatan. Semua warga bekerjasama mengemas dan membersihkan setiap bahagian di Jabatan ini.

6. Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2015

Sambutan Hari Raya Aidilfitri telah disambut dengan meriah sekali pada 30 Julai 2015. Majlis ini diadakan serentak dengan Hari Bersama Ketua Pengarah bagi bulan Julai. Pelbagai juadah telah disediakan oleh setiap bahagian dan dimeriahkan lagi dengan pertandingan pakaian tercantik bagi kategori lelaki dan wanita. Majlis ini dianjurkan dengan kerjasama KKSJ dan PUSPANITA JAWHAR.

7. Kursus Keselamatan Perlindungan Pejabat

Pada 2 hingga 4 September 2015, Unit Pentadbiran, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) telah menganjurkan Kursus Keselamatan Perlindungan Pejabat 2015 yang bertempat Di Hotel Suria City Johor Bahru. Kursus ini telah dihadiri oleh 22 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan JAWHAR.

Matlamat daripada pelaksanaan kursus ini adalah untuk memahami keperluan dan prosedur yang perlu dan mesti diambil ketika mengendali, merekod, menyimpan, mengelas dan mengelas semula maklumat berperingkat.

Manakala objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan kefahaman mengenai dasar, peraturan dan sistem keselamatan perlindungan dalam jabatan, memperoleh serta bertukar-tukar pengetahuan serta pengalaman untuk menghasilkan pengurusan keselamatan yang teratur dan berkesan,

LAPORAN TAHUNAN 2015

meningkatkan keprihatinan semua warga JAWHAR berhubung perlunya peningkatan dari aspek keselamatan terutamanya keselamatan dokumen, fizikal dan peribadi.

8. Sambutan Maal Hijrah 1437H/2015M

JAWHAR telah menyertai Majlis Sambutan Maal Hijrah 1437H peringkat Kebangsaan yang telah diadakan dengan jayanya pada 14 Oktober 2015 bertempat di Masjid Negara, Kuala Lumpur. Sambutan pada tahun ini bertemakan "Perpaduan Nadi Transformasi Negara". Kontinjen JAWHAR telah mengambil bahagian dalam perarakan yang bermula dari Dataran Merdeka Kuala Lumpur sehingga ke Pintu masuk utama Masjid Negara dan turut diiringi oleh alunan selawat kepada Baginda Nabi SAW. Peserta wanita pula berarak dari Muzium Kesenian Islam, Kuala Lumpur terus ke perkarangan masjid untuk berkumpul bagi menyambut kontinjen-kontinjen yang tiba.

9.

Sambutan Maulidur Rasul 1437H/2015M

JAWHAR telah menyertai Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan dengan jayanya pada 24 Disember 2015 bertempat di MAEPS, Serdang Selangor. Tema sambutan adalah "Perpaduan Nadi Transformasi Negara". Kontinjen JAWHAR telah mengambil bahagian dalam perarakan yang bermula dari pintu 1, MAEPS hingga ke Dewan A, MAEPS dan turut diiringi oleh alunan selawat kepada Baginda Nabi SAW. Peserta wanita pula terus ke Dewan A untuk berkumpul bagi menyambut kontinjen-kontinjen yang tiba.

SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT (STM)

1. Kajian Semula Pelan Strategik ICT (PSICT)

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah melaksanakan kajian semula Pelan Strategik ICT (PSICT) JAWHAR 2013 – 2016 selaras dengan penetapan dalam PSLCT JAWHAR supaya pelan tindakan pelaksanaannya dipantau dan dikaji semula bagi suatu tempoh tertentu sepanjang pelaksanaannya. Proses kajian semula terhadap strategi, program, aktiviti dan objektif yang telah dirancang dan didokumenkan di dalam PSLCT 2013-2016 dilaksanakan bagi memastikan ianya selaras dengan hala tuju strategik JAWHAR seperti mana yang terkandung di dalam Buku Pelan Strategik ICT JAWHAR (PSICT JAWHAR) bagi tempoh 2013 – 2016 serta Pelan Strategik ICT Sektor Awam.

Bengkel Kajian PSLCT JAWHAR telah diadakan pada 26 dan 27 Mac 2015 di Hotel Impian Morib.



Sesi bergambar peserta Bengkel Kajian PSLCT JAWHAR 2015

Kajian semula PSLCT JAWHAR yang dilaksanakan ini telah mengambil kira isu dan cabaran serta keperluan semasa JAWHAR. Pelan tindakan pelaksanaan program/projek ICT bagi tempoh 2013 hingga 2016 yang telah dirangka memerlukan komitmen penuh semua pihak yang terlibat dan pemantauan yang berterusan bagi memastikan kejayaan pelaksanaannya.

2. Menaik Taraf Laman Web Jawhar

Laman web merupakan medium penting dalam mempromosi dan menyebarkan maklumat tentang fungsi dan bidang teras JAWHAR kepada masyarakat umum. Justeru itu, trend dan teknologi terkini berkaitan laman web sentiasa diambil perhatian oleh pihak STM bagi memastikan laman web JAWHAR sentiasa memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2015 -Pengurusan Laman Web Agensi Sektor Awam.

Pada tahun 2015, laman web telah dinaik taraf sesuai dengan keperluan dan kriteria terkini. Platform telah ditukar kepada Wordpress antara lain bertujuan meningkatkan keselamatan laman web. Antara fungsi yang ditambah baik adalah pautan secara terus kepada laman-laman media sosial jabatan seperti Facebook, Twitter dan YouTube JAWHAR.



Laman web JAWHAR yang baru di naiktaraf

LAPORAN TAHUNAN 2015

Melalui penilaian Provider-Based Evaluation (ProBE) 2015 yang dikelolakan oleh pihak Multimedia Development Corporation (MDeC), laman web JAWHAR telah diberi penarafan 5 bintang untuk penilaian tahun 2015.

3.

Pembangunan Sistem Baru

Inisiatif dan usaha berterusan sentiasa dilakukan oleh JAWHAR dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelanggan. Perkhidmatan ICT memainkan peranan penting agar perkhidmatan yang diberikan sentiasa relevan dengan tuntutan semasa.2 sistem baru telah dibangunkan khusus bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan JAWHAR iaitu pembangunan aplikasi mobil i-Umrah dan sistem e-Khairat.

i. Aplikasi Mobil i-Umrah



i-Umrah merupakan sebuah aplikasi mobil yang dibangunkan khas bagi menyalurkan maklumat mengenai agensi-agensi pengelola umrah yang sah sebagai rujukan dan panduan kepada bakal-bakal jemaah umrah negara ini. Secara dasarnya, portal ini menyediakan maklumat-maklumat seperti berikut:

- i. Senarai agensi pengelola umrah yang sah bagi menguruskan perjalanan jemaah umrah Malaysia; dan
- ii. Butiran mengenai syarikat pengelola umrah seperti nama syarikat, nombor telefon dan faks.

i-Umrah diharapkan dapat mencapai objektifnya untuk bertindak sebagai medium bagi menghebahkan maklumat-maklumat yang perlu diketahui oleh masyarakat Islam di negara ini dalam memilih agensi pengelola umrah yang tepat bagi mengelolakan perjalanan umrah mereka dengan mudah dan pantas menggunakan aplikasi mobil di telefon pintar selain penggunaan portal i-Umrah. Peranan aplikasi ini amat penting supaya masyarakat Islam di negara ini tidak lagi menjadi mangsa penipuan pihak-pihak tidak bertanggungjawab di samping menjadi pemungkin ke arah penyampaian perkhidmatan pengelolaan umrah yang berkualiti.

ii. Sistem e-Khairat

Tujuan utama sistem e-Khairat ini adalah untuk memberikan kemudahan kepada masyarakat untuk membuat semakan tentang status pihak yang membuat kutipan derma atau sedekah demi kepentingan agama telah mendapat kebenaran dari Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Sistem ini dapat memberimanfaatdandapatmembantu mengelakkan supaya masyarakat tidak tertipu dan sumbangan wang

yang disedekahkan demi kepentingan agama, disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.



4. Penambahbaikan Sistem-sistem Dalaman JAWHAR

STM telah melaksanakan beberapa penambahbaikan ke atas sistem-sistem dalaman JAWHAR sedia ada sesuai dengan keperluan pengguna.

Penambahbaikan dan penyelenggaraan bertujuan meningkatkan kecekapan sistem supaya lebih mesra pengguna, capaian yang lebih meluas dan meningkatkan aspek keselamatan sistem.

Antara sistem yang terlibat ialah i-Wakaf, Portal e-Bayanat, Sistem Parlimen, Sistem Maklumat Personel dan Portal i-Umrah.

5. Pengemaskinian maklumat

STM sentiasa membantu bahagian-bahagian di JAWHAR dalam pengemaskinian maklumat dalam laman web bagi memastikan maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini, tepat dan sedia digunakan pada bila-bila masa sahaja. Pengemaskinian maklumat ke atas laman web serta portal-portal JAWHAR seperti Portal i-Umrah, Portal i-Wakaf dan Laman Web Puspanita.

6.

Pemantauan dan Pengendalian Aplikasi Electronic Government (eG)

STM juga bertanggungjawab dalam membuat pemantauan berterusan terhadap aplikasi-aplikasi eG bagi memastikan berfungsi dengan baik bagi kelancaran tugas warga JAWHAR. Sistem-Sistem yang terlibat adalah:

- i. Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS);
- ii. Sistem Perancangan Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB);
- iii. Sistem Pengurusan Pemantauan Aset (SPA);
- iv. Sistem e-Terimaan;
- v. Sistem Pengurusan Maklumat Sulit (e-BKPP);
- vi. Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam Bersepadu (i-SPAAA); dan
- vii. Sistem Perolehan Kerajaan (ePerolehan)

7.

Pengendalian dan Pemantauan Perkhidmatan 1GovUC

JAWHAR merupakan antara agensi perintis dalam pelaksanaan perkhidmatan 1GovUC dalam Sektor Awam. 1GovUC adalah perkhidmatan komunikasi dan kolaborasi bersepadu yang diuruskan secara berpusat di MAMPU. Perkhidmatan ini menggabungkan saluran-saluran komunikasi e-mel, persidangan video dan audio, instant messaging, faksimili, sistem pesanan ringkas (SMS) serta Sistem Pengurusan Identiti.

1GovUC dilaksanakan sebagai langkah penjimatan kos melalui komunikasi yang diintegrasikan secara kolaboratif yang mana semua sektor awam di Malaysia boleh berhubung dan menjayakan sesuatu projek melalui sistem komunikasi yang ditawarkan oleh 1GovUC.

LAPORAN TAHUNAN 2015

Sistem e-mel JAWHAR telah berjaya di naik taraf mengikut pakej terbaru 1GovUC.

8. Kursus dan Latihan Berkaitan ICT

Bagi meningkat kecekapan warga JAWHAR berkaitan kemahiran ICT, beberapa siri kursus telah dijalankan secara dalaman mahu pun luaran seperti berikut:

- ❖ **Kursus Montaj Adobe After Effects**

Kursus Montaj *After Effect* telah diadakan pada 20-22 April 2015 bertempat di Institut Latihan Pengembangan Pertanian (ILPP), Serdang. Kursus ini melibatkan kakitangan teknikal dan juga bukan teknikal di JAWHAR bertujuan bagi memberikan pendedahan kepada para peserta tentang penyediaan montaj. Pendedahan ini amat berguna kepada para peserta untuk menghasilkan montaj bagi program-program anjuran JAWHAR pada masa akan datang.



Taklimat oleh penceramah kepada para peserta



Penyediaan montaj oleh wakil JAWHAR

Selain itu terdapat kursus khusus untuk kakitangan teknikal iaitu aplikasi mobil yang telah diadakan pada 12 Ogos 2015 dan Transfer Of Technology (TOT) Laman Web pada 13 Oktober 2015.

Sesi Technology Updates juga telah diadakan sebanyak 2 kali sepanjang tahun 2015 kepada seluruh warga JAWHAR berkaitan security assessment. Taklimat tentang Sistem Intranet juga telah diadakan pada 6 Februari 2015. Antara sistem yang berkaitan adalah SisCar, Sismeet, SisHelp, SisResume, Siscourse, SisFile, Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) .



Taklimat sistem kepada warga JAWHAR

9. Khidmat Sokongan Teknikal, Siaraya dan Promosi

STM juga terlibat dalam memberikan khidmat sokongan teknikal dalam menjayakan program-program yang dijalankan oleh JAWHAR. Antara tanggungjawab STM adalah dari segi penyediaan buku arur cara, banner, bunting, backdrop, flyers, montaj dan sebagainya.

Selain itu, STM juga terlibat dengan sesi fotografi sepanjang program-program berlangsung.



Contoh Backdrop yang disediakan sempena Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan 2015



Contoh-contoh banner yang disediakan untuk dimuatkan di Laman Web JAWHAR



UNIT INTEGRITI & KOMUNIKASI KORPORAT (UIKK)



Dari kiri: Pn. Lizah binti Ismail (Ketua Unit), Nurrul Hafiza binti Zainal

Unit Integriti & Komunikasi Korporat (UIKK), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah ditubuhkan pada 1 April 2014 selaras dengan transformasi JAWHAR yang berfungsi dalam merancang, membangun dan memajukan sosio-ekonomi ummah melalui pengurusan wakaf dan penyelesaian zakat, haji dan mal yang dinamik dan sistematik dengan kerjasama pihak berkuasa agama negeri-negeri dan agensi-agensi berkaitan.


Objektif Unit Integriti Dan Komunikasi Korporat

Satu usaha kawalan dalaman oleh JAWHAR untuk menguruskan integriti dalam organisasi, pemantauan aduan/maklum balas pelanggan dan pengurusan strategik media.

Fungsi Unit Integriti Dan Komunikasi Korporat:

- i) Merancang, menyelaras dan melaksanakan program berkaitan integriti dan pembangunan insan selaras dengan modul Penerapan Nilai-Nilai Islam (PNI), Pengukuran Integriti Perkhidmatan Awam (PIPA) dan Pelan Integriti Nasional (PIN);
- ii) Melaksanakan aktiviti perhubungan awam seperti pemantauan aduan/maklum balas pelanggan, pengurusan lawatan dan maklumat jabatan; dan
- iii) Menguruskan aktiviti yang melibatkan media massa.

STRUKTUR ORGANISASI



AKTIVITI UNIT INTEGRITI & KOMUNIKASI KORPORAT

A) Merancang, menyelaras dan melaksanakan program berkaitan integriti dan pembangunan insan selaras dengan modul Penerapan Nilai-nilai Islam (PNI), Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam (PIPA) dan Pelan Integriti Nasional (PIN).

- i. Ceramah Agama/ Majlis Bacaan Surah Yasin Pada Setiap Hari Jumaat
- ii. Ceramah Agama Pada Bulan Ramadan
- iii. Ceramah Integriti

1. Pada **16 Januari 2015** ceramah agama sempena Maulidurrasul oleh Ustaz Mohd Sabri Bin Mat Yasim dari JAWI Cawangan Putrajaya telah diadakan bertempat di Bilik Gerakan, JAWHAR. Program ini adalah anjuran bersama Kelab Kebajikan & Sosial JAWHAR (KKSJ), PUSPANITA Cawangan Kecil JAWHAR dan Unit Integriti dan Komunikasi Korporat (UIKK) JAWHAR.



2. Pada **23 Jun 2015** ceramah agama sempena menyambut kedatangan Bulan Ramadan 1436H telah diadakan dan ceramah tersebut disampaikan oleh Ustaz Azhar bin Tuarno. (Pegawai Hal Ehwal Islam), JPM. Tajuk ceramah adalah "Jutawan Ramadan".



LAPORAN TAHUNAN 2015

3. Unit Integriti Dan Komunikasi Korporat (UIKK) bersama Kelab Kebajikan & Sosial JAWHAR (KKSJ) serta PUSPANITA Cawangan Kecil JAWHAR telah mengadakan ceramah sempena bulan Ramadan 1436H dengan tajuk "Andai Ini Ramadan Terakhir" pada **26 Jun 2015**. Penceramah ialah Ustaz Haji Salleh Bin Saad dari JAKIM, Putrajaya.



4. Unit Integriti Dan Komunikasi Korporat (UIKK) dengan kerjasama PUSPANITA Cawangan Kecil JAWHAR dan Kelab Kebajikan & Sosial JAWHAR (KKSJ) telah mengadakan ceramah mengenai "Nuzul Al-Quran" pada **3 Julai 2015**. Penceramah ialah Ustaz Norlwan Bin Zulkafli.



5. Pada **23 Oktober 2015** Unit Integriti dan Komunikasi Korporat (UIKK) telah mengadakan ceramah mengenai integriti yang bertajuk "Penghayatan Hijrah Memacu Integriti Insan". Ustaz Iszam bin Padil, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, INTAN Bukit Kiara telah menyampaikan ceramah tersebut bertempat di Bilik Gerakan JAWHAR.



6. Pada **20 November 2015** Unit Integriti Dan Komunikasi Korporat (UIKK) JAWHAR bersama Kelab Kebajikan & Sosial JAWHAR (KKSJ) serta PUSPANITA Cawangan Kecil JAWHAR telah mengadakan ceramah Penerapan Nilai – Nilai Islam yang bertajuk "Ancaman-Ancaman Kepada Kedaulatan Agama Negara". Penceramah adalah Tuan Haji Abdul Karim bin Omar, Felo Kanan, Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM).



7. Pada **20 November 2015** Unit Integriti Dan Komunikasi Korporat (UIKK) bersama Kelab Kebajikan & Sosial JAWHAR (KKSJ) dan PUSPANITA Cawangan Kecil JAWHAR telah mengadakan ceramah Penerapan Nilai – Nilai Islam yang bertajuk "Daulatkan Islam Agama Negara". Penceramah adalah YM Engku Ahmad Fadzli bin Engku Ali, Felo Kanan, Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM). Sesi ceramah tersebut telah diadakan di Dataran JAWHAR.



- B) Melaksanakan aktiviti perhubungan awam: aduan / maklum balas pelanggan, pengurusan lawatan dan maklumat korporat jabatan.

1. Pada **19 Februari 2015**, JAWHAR telah menerima kunjungan rasmidi dari YBhg. Dr. Syed Omar bin Syed Agil, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Profesional Baitulmal (IPB), Majlis Agama Islam WP (MAIWP)



2. Pada **17 Mac 2015** telah berlangsungnya sesi pertemuan JAWHAR bersama dengan rombongan pelajar dari Politeknik Ungku Omar Ipoh, Perak bertempat di Bilik Gerakan JAWHAR. Seramai 38 orang termasuk pensyarah mengadakan lawatan ke Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) untuk mempelajari dan menambah ilmu pengetahuan mengenai pengurusan wakaf dan juga baitulmal di Malaysia.

3. Pada **17 April 2015**, JAWHAR telah menerima kunjungan hormat delegasi dari Pengurusan Muslimat Nahdatul Ulama Malaysia (Indonesia). Seramai 28 orang ahli rombongan yang hadir dengan diketuai oleh Hj. Machfudhoh Aly Ubaid, selaku Penasihat Pengurus Muslimat NU Pusat Jakarta, Indonesia.



4. Pada **30 April 2015** JAWHAR telah menerima kunjungan hormat delegasi dari Libya Malaysia Da'wah Islamiah Fund yang diwakili oleh seramai 3 orang yang terdiri daripada Al-Fadhil Al Ustaz Ali bin Saleh Al-Qazlan (Ketua Bahagian, Daerah Madinah Al-Munawwarah), Prof. Dr. Jamal Bedi (Pensyarah UIAM merangkap Ahli Lembaga Trustee Fund Libya Malaysia Da'wah Islamiah Fund) dan Muhammad Sulhi Bin Hasbullah, Pegawai Perhubungan Awam (PRO) Libya Malaysia Da'wah Islamiah Fund.

LAPORAN TAHUNAN 2015



5. Pada **18 Mei 2015** JAWHAR telah menerima kunjungan hormat daripada Delegasi Bank Pembangunan Islam (IDB) yang diwakili oleh Dr. Azhari Gasim Ahmed (Pegawai Ekonomi IDB) merangkap Ketua Delegasi), Mr. Fawaz Abdulnour (Pegawai Pelaburan IDB), Mr. Dawood Salman Al Bourshaid (Pegawai Eksekutif ISFD) dan En. Takiyudin Bin Yahya (Pegawai, Pejabat Wilayah IDB, Kuala Lumpur).



6. Pada **21 Ogos 2015** JAWHAR telah menerima kunjungan rasmi daripada YB. Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana. Ia dihadiri oleh seluruh warga JAWHAR



7. Pada **18 September 2015** JAWHAR telah menerima kunjungan hormat daripada Delegasi Yayasan Waqaf New Zealand (Awqaf New Zealand). Delegasi seramai 4 orang yang terdiri daripada Mr.Husain Benyounis (Secretary General, Awqaf NZ merangkap ketua delegasi), Mr. Tayeb Abdul rahman Al Rais (Secretary General, Awqaf & Minors Foundation, Government of Dubai), Mr. Mohammad S. Ghebeh (Head of Legal Affair, Awqaf & Minors Foundation, Government of Dubai) dan Mr. Saeed Issaf Al Sayeh (Acting Director of Investment Department/ Head of Invenstment & Development Section, Awqaf & Minors Foundation, Government of Dubai).



8. Pada **2 Oktober 2015** JAWHAR telah menerima kunjungan hormat daripada Institut Kajian Zakat (IkaZ) Malaysia yang diwakili oleh seramai 4 orang iaitu YBrs. Dr. Mohd Afandi bin Mat Rani (Pengarah IkaZ), Prof. Madya Baharudin bin Sayin (Felo IkaZ), En. Azri bin Bahridan En. Othman bin M. Rani. Majlis ini diadakan di Bilik Gerakan, JAWHAR.



9. Pada **13 November 2015** telah berlangsungnya sesi pertemuan JAWHAR bersama dengan rombongan daripada Pelajar Jurusan Kewangan Islam, UIAM. Seramai 110 pelajar termasuk 4 orang pensyarah telah berkunjung ke JAWHAR untuk mempelajari dan menambah ilmu pengetahuan mengenai pengurusan wakaf dan juga baitulmal di Malaysia.



c) Menguruskan aktiviti yang melibatkan media massa.

1. Mengadakan sidang media sempena sambutan Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2015 bertempat di Palm Garden Hotel, IOI Resort, Putrajaya. Turut hadir ialah YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri dengan disertai oleh YBhg. Datuk Haji Anan Bin C. Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR pada **20 Ogos 2015**.



LAPORAN TAHUNAN 2015

2. Mengadakan sesi temu bual pihak media bersama **YBhg. Datuk Haji Anan Bin C. Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR** sempena Konvoi Kembara Zakat (KKZ) 2015- Sabahdan Majlis Perasmian Pecah Tanah Pusat Komuniti, Kampung Timbang Batu, Kota Marudu, Sabah.



3. Mengadakan sidang media sempena sambutan Bulan Zakat Kebangsaan 2015 bertempat di Dataran Pusat Islam, Melaka. Hadir sama ialah YBhg. Datuk Haji Anan Bin C. Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR dan YBhg. Datuk Wira Hj. Yaakub bin Md. Amin, Timbalan Pengurus Majlis Agama Islam Melaka pada **8 Disember 2015**.





05



PEMBANGUNAN
SISTEM DAN
PORTAL

PEMBANGUNAN SISTEM DAN PORTAL

• i-wakaf



Info Perlaksanaan Pembangunan Harta Wakaf Malaysia (i-wakaf) merupakan sebuah portal yang menyediakan maklumat mengenai pembangunan harta wakaf di Malaysia. Maklumat pembangunan harta wakaf seperti tanah wakaf yang dibangunkan oleh JAWHAR dengan kerjasama erat Majlis Agama Islam Negeri yang berkaitan dipaparkan status perkembangannya bagi memberitahu masyarakat tentang tanah-tanah wakaf yang sedang dibangunkan.

• i-umrah



i - UMRAH ialah sebuah portal yang dibangunkan khas bagi menyalurkan maklumat mengenai agensi-agensi pengelola umrah yang sah sebagai rujukan dan panduan kepada bakal-bakal jemaah umrah negara ini. Secara dasarnya, portal ini menyediakan maklumat-maklumat seperti berikut:

- i. Senarai agensi pengelola umrah yang sah bagi menguruskan perjalanan jemaah umrah Malaysia;
- ii. Butiran mengenai syarikat pengelola umrah seperti nama pemilik syarikat, nombor telefon dan faks, e-mail, laman web syarikat, nama pegawai perhubungan dan pejabat-pejabat cawangan (jika ada);
- iii. Butiran mengenai pakej-pakej umrah yang ditawarkan seperti nama dan harga pakej; dan
- iv. Butiran mengenai kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh agensi pengelola umrah kepada jemaah umrah.

i-Umrah diharapkan dapat mencapai objektifnya untuk bertindak sebagai medium bagi menghebahkan maklumat-maklumat yang perlu diketahui oleh masyarakat Islam di negara ini dalam memilih agensi pengelola umrah yang tepat bagi mengelolakan perjalanan umrah mereka. Peranan portal ini amat penting supaya masyarakat Islam di negara ini tidak lagi menjadi mangsa penipuan pihak-pihak tidak bertanggungjawab di samping menjadi pemangkin ke arah penyampaian perkhidmatan pengelolaan umrah yang berkualiti.

• i-SPAAA



Sistem i-SPAAA ialah sistem yang dibangunkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk memudahkan pengadu membuat aduan-aduan berkaitan tindakan-tindakan dan keputusan-keputusan pentadbiran agensi-agensi Kerajaan Malaysia di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan (kecuali di Sabah dan Sarawak) dan JPM akan menyiasat aduan-aduan dan menentukan sama ada tindakan itu salah, tidak adil atau tidak mengikuti lunas undang-undang. Setiap aduan perlu mengandungi maklumat yang mencukupi untuk membolehkan JPM menilai kedudukannya dan cara terbaik untuk membantu.

• i-PPIJ



Pelan Tindakan Terperinci Program Pembudayaan Integriti JAWHAR (PPIJ) ini berhalan tuju untuk menterjemahkan matlamat, pendekatan dan strategi pelaksanaan sistem pemantauan ke arah membudayakan integriti di JAWHAR dalam memperkasakan keutuhan pengurusan menerusi tadbir urus dan kualiti penyampaian perkhidmatan berprestasi tinggi, berintegriti dan berbudaya kerja terbilang.

Visi PPIJ ialah “Perkhidmatan Berintegriti, Telus dan Resposif adalah Budaya JAWHAR” dan diselaraskan dengan dasar Kerajaan iaitu amalan Bersih, Cekap dan Amanah. Di antara Key Success Factors (KSF) ke arah pencapaian visi PPIJ ini ialah komitmen yang jitu dari seluruh warga kerja JAWHAR, kewangan, bilangan modal insan yang berkualiti dan sokongan padu daripada *stake holders* utama, terutamanya Pentadbiran Am, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Dalam usaha membantu pencapaian visi PPIJ ini, suatu pendekatan holistik telah dirangkakan yang melibatkan empat sub-pendekatan seperti berikut:

Pendekatan Pendidikan – iaitu melibatkan pemerangkaan, perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti secara bersepada bagi meningkatkan pengetahuan, kesedaran, kemahiran dan penerapan amalan serta penghayatan integriti dalam kalangan seluruh warga kerja JAWHAR.

Pendekatan Pencegahan – iaitu melibatkan tindakan pengesanan kelemahan-kelemahan dalam sistem serta prosedur kerja, peraturan dan pentadbiran bagi mempertingkatkan lagi kualiti pengurusan dan sistem penyampaian perkhidmatan JAWHAR yang melangkuai kehendak stakeholders dan pelanggan.

Pendekatan Pemulihan – iaitu melibatkan tindakan pengukuhkan pengurusan dan aspek struktur, amalan dan budaya kerja ke arah memperkasakan integriti dalam kalangan seluruh warga kerja JAWHAR. Kaedah ini dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan juga memutihkan para warga kerja JAWHAR yang terlibat dengan urusan yang tidak berintegriti.

LAPORAN TAHUNAN 2015

Pendekatan Pengiktirafan dan Punitif – iaitu melibatkan tindakan menganugerahkan pengiktirafan kepada warga kerja JAWHAR yang berintegriti. Di samping itu, tindakan tegas perlu diambil terhadap warga kerja JAWHAR yang terlibat dalam rasuah, penyelewengan, “little Napoleon”, serta penyalahgunaan kuasa, pelanggar peraturan dan kod etika HIJRAH yang menjadi falsafah pengurusan JAWHAR.

| JENIS | RASIONAL |
|--------------------------------------|--|
| PENDEKATAN PENDIDIKAN | Tingkatkan kesedaran dan penghayatan integriti warga kerja JAWHAR |
| PENDEKATAN PENCEGAHAN | Tingkatkan ketelusan pentadbiran; sistem kerja dan peraturan efektif; sistem pemantauan dan pelaporan efektif; kenal pasti bidang kerja berisiko tinggi. |
| PENDEKATAN PEMULIHAN | Perkasa kan kod etika HIJRAH dan laksana Program Pemulihan. |
| PENDEKATAN PENGIKTIRAFAN DAN PUNITIF | Iktiraf kan kepada yang berhak; dan sistem pengesanan dan hukuman wajar |

• e-wakaf

Portal Pengurusan Maklumat: Wakaf



Portal Pengurusan Maklumat: Baitulmal



Sistem e-wakaf ini merupakan inisiatif JAWHAR dengan usaha sama MAIN. Ia adalah sebahagian dari usaha untuk mendapat, mengumpul, mengendali, menyimpan dan mengurus semua maklumat wakaf dari seluruh negeri secara berpusat, terkini dan bersepada. Laporan-laporan yang dijana pada peringkat JAWHAR adalah ‘dinamik’ berdasarkan data yang terkini. Semua maklumat wakaf ini akan diintegrasikan secara komprehensif dan berupaya memberikan satu gambaran mengenai hartanah wakaf secara menyeluruh pada peringkat nasional.

• e-bayanat

Paparan Utama e-bayanat




LAPORAN TAHUNAN 2015

Sistem e-bayanat merupakan satu sistem berbentuk pelaporan dengan data maklumat diperolehi secara dinamik dari pangkalan data. Ia dapat memaparkan maklumat dan statistik wakaf, zakat, mal dan haji yang direkodkan melalui sistem e-bayanat. Maklumat tersebut diolah pada pelbagai peringkat, diringkaskan dan dipersembahkan dalam pelbagai bentuk seperti graf bar, carta pai, graf perbandingan dan 'query'. Ini bermaksud laporan-laporan yang dipaparkan adalah terkini sehingga masa dijana. Maklumat-maklumat ini dapat dikongsi bersama dengan jabatan lain dan masyarakat umum.

Sistem e-bayanat: Mal



Sistem e-bayanat: Zakat



Sistem e-bayanat: Wakaf



• e-penyata gaji & laporan Portal Jabatan Akauntan Negara



Sistem ini dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara untuk kemudahan kepada kakitangan Kerajaan memaparkan maklumat penyata gaji bulanan dan penyata gaji tahunan. Sistem ini dilaksanakan selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2010. Perisian yang diperlukan adalah Web browser seperti Internet Explorer (IE) atau FireFox adalah digunakan untuk akses Sistem e-Penyata Gaji dan perisian PDF reader seperti Adobe Reader adalah digunakan untuk mencetak laporan. Capaian masuk ke sistem e-Penyata Gaji & Laporan adalah melalui laman web rasmi Jabatan Akauntan Negara Malaysia iaitu www.anm.gov.my.

LAPORAN TAHUNAN 2015

Bagi pengguna kali pertama sila klik pada "Pertama Kali Mendaftar" untuk mendaftarkan diri anda terlebih dahulu. Pastikan password anda diingati bagi digunakan pada masa akan datang.

Daftar Masuk

Sila Masukkan No. Kad Pengenalan / No. Pasport dan Kata Laluan

No. KP / No. Pasport

(Contoh: 810211051234)

Kata Laluan

[Pertama Kali Mendaftar](#) [Lupa Kata Laluan?](#)



• Siscar



Sistem Tempahan Kenderaan (Siscar) ini dibangunkan bagi memudahkan Kakitangan Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JAWHAR) untuk menempah kenderaan bagi urusan di luar pejabat. Setiap urusan penempahan kenderaan, semakan dan kelulusan tempahan JAWHAR dijalankan di dalam talian (online).

• SPA (Sistem Pengurusan Aset)



Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) adalah aplikasi yang dibangunkan untuk tujuan kawalan dan pemantauan aset bagi semua kementerian dan jabatan di Malaysia.

Sistem ini dibangunkan mengikut kaedah kawalan pengurusan aset dan stor yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia (Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 Tatacara Pengurusan Stor)

Terbahagi kepada 3 kategori iaitu:

- i. Sistem Pengurusan Aset (SPA)
Proses menjaga, mengawal, mengendali dan menyenggara harta berbentuk fizikal yang mempunyai nilai dan diperoleh sama ada untuk digunakan terus atau bagi masa akan datang dalam pengeluaran barang siap atau perkhidmatan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan

- ii. Sistem Pengurusan Stor (SPSS)
- SPS adalah satu sistem pengurusan stor secara bersepadu di mana ia menggabungkan elemen pengurusan stor yang mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 Tatacara Pengurusan Stor.

- iii. Pengurusan Aduan (*HELPDESK*)

Helpdesk membolehkan pengguna membuat aduan melalui sistem. Fungsi utama sistem ini adalah menerima aduan mengikut klasifikasi yang telah ditetapkan, mengurus dan memantau aduan yang diterima dengan lebih kemas dan teratur.

• My Mesyuarat

Paparan skrin utama sistem My Mesyuarat



Paparan skrin Jawatankuasa



Paparan Skrin Ahli Mesyuarat



Paparan skrin Mesyuarat



Sistem My Mesyuarat merupakan sistem yang dibangunkan oleh MAMPU dan JAWHAR adalah diantara agensi yang telah dipilih sebagai agensi pilot bagi Projek Peluasan My Mesyuarat. Peluasan sistem ini adalah sejajar dengan inisiatif di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) CCI EPP E-Government dan Perkhidmatan Online Kerajaan dimana Kerajaan telah menetapkan sasaran iaitu pada tahun 2012, 70% surat menyurat, minit mesyuarat dan memo dan 90% jemputan mesyuarat adalah secara online.

LAPORAN TAHUNAN 2015



06

LAPORAN PRESTASI KEWANGAN

LAPORAN TAHUNAN 2015

Pendahuluan


Unit Kewangan, BKP diberikan tanggungjawab dalam memastikan pengurusan Kewangan dan Akaun JAWHAR diuruskan dengan baik iaitu mematuhi semua peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa. Justeru itu, Unit Kewangan perlu memastikan peruntukan yang diluluskan digunakan secara cermat, berhemah serta mematuhi prosedur serta pekeliling berkuat kuasa. Selain peruntukan mengurus, JAWHAR juga menerima peruntukan pembangunan untuk projek Pembangunan Hartanah Wakaf di bawah RMKe-10 dan disambung di bawah RMKe-11 yang diuruskan oleh Bahagian Wakaf JAWHAR.

LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN TAHUN 2015

Prestasi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2015

Pada tahun 2015, JAWHAR telah diluluskan dengan peruntukan sejumlah RM11,787,000.00. Namun demikian jumlah peruntukan mengurus JAWHAR yang dikemas kini sehingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM10,776,047.00. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM10,649,897.00 adalah di bawah Dasar Sedia Ada manakala bakinya RM126,150.00 di bawah Dasar One-Off. Pecahan di bawah Dasar Sedia Adadan Dasar One-Off adalah seperti yang ditunjukkan dalam Carta 1.


Peruntukan Perbelanjaan Mengurus 2015



Carta 1: Agihan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus JAWHAR Bagi Tahun 2015

Sehingga 31 Disember 2015, JAWHAR telah membelanjakan sebanyak RM10,684,399.59 atau 99.15% daripada peruntukan yang telah dikemas kini seperti dalam Carta 2.


**(Keseluruhan Peruntukan:
RM10,776,047.00)**



*Carta 2: Prestasi Keseluruhan Perbelanjaan JAWHAR sehingga 31 Disember 2015
Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2015*

Pada tahun 2015, JAWHAR diluluskan dengan peruntukan sejumlah RM29,413,000.00. Namun demikian peruntukan dikemas kini sehingga 31 Disember 2015 adalah RM6,753,400.00. Perbelanjaan sehingga 31 Disember 2015 adalah RM6,735,404.98 atau 99.73% dan baki adalah sebanyak RM17,995 (0.27%) seperti dalam Carta 3.

(Keseluruhan Peruntukan: RM6,753,400.00)



Carta 3: Prestasi Keseluruhan Perbelanjaan Pembangunan JAWHAR Sehingga 31 Disember 2015

LAPORAN TAHUNAN 2015

Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Tahun 2011 Hingga Tahun 2015

Prestasi perbelanjaan Mengurus JAWHAR bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah agak konsisten walaupun terdapat sedikit penurunan pada tahun 2014. Terdapat peningkatan yang ketara pada tahun 2015 sebanyak 3.96%. Peningkatan ini menunjukkan dengan perancangan yang teliti oleh bahagian-bahagian, peruntukan dapat dibelanjakan dengan baik bagi menjayakan program-program Jabatan. Perbandingan prestasi perbelanjaan Mengurus dari tahun 2011 hingga tahun 2015 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Carta 4.

Prestasi Perbelanjaan Mengurus 2011 - 2015



Carta 4: Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Mengurus JAWHAR Dari Tahun 2011 Hingga Tahun 2015 (Peratus)

Bagi perbelanjaan Pembangunan pula, terdapat peningkatan ke atas prestasi perbelanjaan 2015 dibandingkan dengan 2014 iaitu dalam peratusan 9.64% iaitu dari 90.09% (2014) kepada 99.73% (2015). Perbandingan prestasi perbelanjaan Pembangunan dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Carta 5.

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan 2011 - 2015



Carta 5: Prestasi Perbelanjaan Pembangunan JAWHAR Dari Tahun 2011 Hingga Tahun 2015 (Peratus)

LAPORAN TAHUNAN 2015

Perbandingan peruntukan dan perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan yang diterima dari tahun 2011 hingga tahun 2015 adalah seperti di Jadual 1.

| TAHUN | PERUNTUKAN | DITERIMA (RM) | PERBELANJAAN (RM) | PERATUS |
|-------|-------------|------------------|----------------------|---------|
| 2011 | Mengurus | 10,825,000.00 | 10,642,469.00 | 98.31% |
| | Pembangunan | 43,160,010.00 | 42,882,841.99 | 99.36% |
| 2012 | Mengurus | 10,184,510.00 | 10,070,740.89 | 98.88% |
| | Pembangunan | 18,342,500.00 | 18,118,975.32 | 98.78% |
| 2013 | Mengurus | 15,527,624.00 | 15,330,818.13 | 98.73% |
| | Pembangunan | 10,041,200.00 | 10,041,125.70 | 100% |
| 2014 | Mengurus | 11,559,805.00 | 11,004,202.00 | 95.19% |
| | Pembangunan | 15,223,450.00 | 13,715,157.00 | 90.09% |
| 2015 | Mengurus | 10,776,047.00 | 10,684,399.59 | 99.15% |
| | Pembangunan | 6,753,400.00 | 6,735,404.98 | 99.73% |

Jadual 1: Perbandingan Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan JAWHAR Dari Tahun 2011 Hingga Tahun 2015

1. Pembayaran Bil 14 Hari

Selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.7 Tahun 2006, pembayaran bil 14 hari sentiasa diberi penekanan dalam pengurusan kewangan JAWHAR. Sepanjang tahun 2015, JAWHAR telah berjaya memproses sebanyak 1,175 bil bernilai RM4,163,421.95 di dalam tempoh 14 hari seperti ditunjukkan di **Jadual 2**.

Jadual 2: Laporan Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna

| Tempoh | Bilangan Bil | Nilai | Peratus |
|--------------------|--------------|---------------------|--------------|
| Tidak Lebih 7 hari | 1,173 | 4,161,264.90 | 99.9% |
| 8 hingga 14 hari | 2 | 2,157.05 | 0.1% |
| > 14 hari | 0 | 0.00 | 0 |
| Jumlah | 1,175 | 4,163,421.95 | 100% |

LAPORAN TAHUNAN 2015

2. Pencapaian-Pencapaian Unit Kewangan sepanjang 2015

Beberapa pencapaian yang membanggakan Unit Kewangan JAWHAR sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

- i. Pencapaian cemerlang bagi pengauditan Naziran eSPKB.

Pada setiap tahun Pasukan Naziran eSPKB daripada Bahagian Akaun JPM akan membuat pemeriksaan dokumen Bayaran JAWHAR. Pada 2015 pemeriksaan telah dijalankan pada 2 hingga 3 September 2015 dan JAWHAR berjaya mencapai prestasi Cemerlang (98.21%) dalam pengurusan kewangan.

3. Kursus-Kursus Yang Dijalankan oleh Unit Kewangan

Bagi meningkatkan pemahaman pengurusan Kewangan, Unit Kewangan telah menjalankan Kursus Kewangan: Elaun-elaun (selain gaji) dan kemudahan penjawat awam 2015.

Penutup

Pada keseluruhannya, prestasi perbelanjaan bagi tahun 2015 adalah sangat memuaskan kerana kebanyakan perbelanjaan bagi program yang dirancang dapat digunakan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa. Jutaan terima kasih dan sekulung penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang sama-sama membantu kecemerlangan pencapaian pengurusan kewangan dan pembangunan pada tahun 2015 JAWHAR. Semoga kerjasama dan sokongan yang jitu ini dapat diteruskan bagi memastikan pengurusan kewangan dan pembangunan Jabatan ini dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan pada masa akan datang.



07



**ANUGERAH
DAN
PENGIFTIRAFAN**

SIJIL LANJUTAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI JAWHAR ISO 9001:2008 DENGAN MS ISO 1900:2005


SIJIL



JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
ARAJ 7, BLOK E2, KOMPLEKS E
PUTRAJAYA 62602 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA

Istih malaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang mewujud

ISO 9001 : 2008
QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS - Requirements

Sijil Penilaian

PENGEDARAN PERKHIDMATAN:
1) URUSAN PEMBANGUNAN TANAH WAKAF;
2) URUSAN PENGETAHUAN DAN SUMBER MARAQAH HARIAN PASARAM;
3) URUSAN PENYELARASAN DAN PENGUKURAN INSTITUSI MAL;
4) URUSAN PENERBITAN MANUAL PENGURUSAN;
5) PEMANTAUAN PENGURUSAN OPERASI HAJI;
6) PROSES-PROSES SOKONGAN YANG LAIN.

Tarikh dikeluarkan : 14 Oktober 2011
Terperbaharui : 05 Mac 2016 - 04 Mac 2013
No. Penyelidikan : AR 5128

[Signature]
Khushnab Mustafa
Pengetahuan dan Sumber Maraqah Hariyan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Reproduced with permission from the original holder under license from Pearson Plc.


CERTIFICATE

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
ARAJ 7, BLOK E2, KOMPLEKS E
PUTRAJAYA 62602 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA

has implemented and maintains a
QUALITY MANAGEMENT SYSTEM
which fulfils the requirements of the following standard:

ISO 9001 : 2008
for the following activities:

MATTERS PERTAINING TO:
1) MANAGEMENT OF WAKAF LAND DEVELOPMENT;
2) PROVISION OF INFORMATION ON DAILY MARKET PRICE OF GOLD AND CALCULATION OF TITLE;
3) MANAGEMENT OF THE GOLD INSTITUTION;
4) PUBLICATION OF GOLD INSTITUTION OPERATION MANUAL;
5) MONITORING AND MANAGEMENT OF HAJI OPERATION;
6) RELATED SUPPORTING PROCESSES.

Issued on : 03 March 2012
Validity date : 14 September 2018
Certification Number : MY-AR-5128



Michael Sheehan
President of IQNet


Khushnab Mustafa
Pengetahuan dan Sumber Maraqah Hariyan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

IQNet®
IQNet is a registered trademark of Bureau Veritas Certification SA. IQNet is also a registered trademark of Bureau Veritas Certification France SAS. Bureau Veritas Certification France SAS is part of the Bureau Veritas Group. Bureau Veritas Group is a member of the SGS Group.
© 2012 Bureau Veritas Group. All rights reserved. Bureau Veritas Group is not responsible for any errors or omissions in this document.
The use of IQNet's permission is subject to the terms of license of Bureau Veritas. Contact information is available online at www.pearsonplc.com.



08



CERITERA JAWHAR

MAJLIS BERSAMA JABATAN



Dari kiri: En Rohaizit bin Abdul Rashid, En. Murid Fadzli bin Musa, En. Issyemmu'ddeen bin Iesa, En. Aliff bin Kuniel, En. Idzharudin bin Ibrahim, En. Zamfitri bin A. Rahman, Pn. Norlizah binti Mainoordin, Pn. Noraini Md Zain, Pn. Lizah binti Ismail, Cik Muzazila binti Mustari, Pn. Damiley binti Abdul Kahar

Majlis Bersama Jabatan sentiasa bergerak cergas di JAWHAR. Ianya telah menjadi platform yang baik kepada pihak Pekerja dan Pihak Majikan dalam menyuarakan pandangan serta menyumbangkan idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi. Ia juga telah dapat mengekalkan keharmonian di kalangan warga JAWHAR kearah suasana kerja yang lebih kondusif dan ceria.

Pegawai-pegawai dalam majlis ini adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi, dua orang Setiausaha Bersama, seorang Penolong Setiausaha. Naib Pengerusi hendaklah terdiri

dan dipilih oleh Pihak Pekerja. Pihak Pekerja dan Pihak Majikan hendaklah melantik seorang daripadanya untuk memenuhi jawatan Setiausaha Bersama.

Dari segi bidang dan fungsi majlis ianya hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk di dalam kuasa Majlis yang mana adalah seperti berikut :-

- i. Membincangkan dan memutuskan akan perkara-perkara mengenai syarat-syarat bekerja yang ada kaitan dengan pentadbiran

LAPORAN TAHUNAN 2015

- ii. berkenaan kecuali semua perkara mengenai pekerja-pekerja perseorangan;
- iii. Membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab di atas perkara-perkara mengenai kerja-kerja mereka dan mematuhi syarat-syarat yang berkaitan;
- iv. Menggalakkan kakitangan mengambil bahagian dalam perbincangan-perbincangan untuk mendapatkan pengetahuan yang lebih mengenai pentadbiran Jabatan; dan
- Mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan dan organisasi pejabat serta peruntukan bagi menerima cadangan dan syor-syor daripada kakitangan mengenai perkara ini.

JAWHAR telah berjaya melaksanakan Mesyuarat MBJ sebanyak 4 kali sepanjang tahun 2015 dan telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Ketua Pengarah JAWHAR. Berikut merupakan mesyuarat yang telah diadakan sepanjang tahun 2015.

Sekiranya pengerusi tidak dapat mempengerusikan mesyuarat atas sebab-sebab tertentu, pengerusi boleh mewakilkan pegawai terkanan di kalangan ahli-ahli pihak pegawai.

Agenda bagi mesyuarat Majlis Bersama Jabatan hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha-setiausaha tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada 7 hari sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi.

Dari segi keputusan Mesyuarat, keputusan Majlis hendaklah dicapai secara persetujuan di antara kedua-dua pihak. Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan jabatan-jabatan lain dan tidak pula bertelingkah dengan dasar Kerajaan boleh diselenggarakan atau dilaksanakan terus oleh bahagian-bahagian di JAWHAR. Manakala bagi keputusan yang ada kaitan dengan dasar Kerajaan ataupun dengan jabatan-jabatan lain ia hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun kepada Jabatan-jabatan yang berkaitan.

| Bil. Mesyuarat | Tarikh Mesyuarat | Tempat |
|----------------|-------------------|-----------------------|
| Bil. 1/2015 | 12 Februari 2015 | Bilik Gerakan, JAWHAR |
| Bil. 2/2015 | 05 Jun 2015 | Bilik Gerakan, JAWHAR |
| Bil 3/2015 | 15 September 2015 | Bilik Gerakan, JAWHAR |
| Bil 4/2015 | 10 Disember 2015 | Bilik Gerakan, JAWHAR |

CARTA ORGANISASI MBJ
SESI 2014/2015



| WAKIL PEKERJA | WAKIL MAJIKAN |
|-----------------------------------|-----------------------------------|
| Puan Lizah binti Ismail | Encik Ahmad Musadad Haji Sulaiman |
| Encik Mohd Faizal bin Ab. Hamid | Encik Mohd Bakri bin brahim |
| Puan Noraini bin Md Zain | Encik Suheimi bin Abd Samad |
| Encik Idzharudin bin Ibrahim | Puan Hasanah binti Badrul |
| Encik Rohaizit bin Abdul Rashid | Puan Salmah binti Shahidan |
| Encik Muhammad Suardi bin Shafien | Puan Rosnita binti Ismail |
| Encik Mohamad Aliff Kuniel | Puan Kamalia binti Kamaruddin |
| Encik Mohd Zamri Ridzuan | |

PUSPANITA CAWANGAN KECIL JAWHAR 2015

A. LAPORAN AKTIVITI BIRO AGAMA DAN KEBAJIKAN

1. Mesyuarat Puspanita Biro Agama dan Kebajikan JAWHAR

Pada 22 Januari 2015, Biro Agama dan Kebajikan telah mengadakan Mesyuarat Puspanita Biro Agama dan Kebajikan JAWHAR bagi membincangkan perancangan aktiviti-aktiviti bagi tahun 2015. Mesyuarat ini diketuai oleh Ketua Biro Agama & Kebajikan iaitu Ustazah Hafizah Binti Abdul Shukor. Mesyuarat di adakan di Bilik Ketua Biro pada jam 4.00 petang sehingga 5.00 petang.

2. Jamuan (Potluck) Sempena Mesyuarat Ketua-Ketua Biro Puspanita JAWHAR

Pada 30 Januari 2015 jam 10.00 pagi, bertempat di Bilik Makan JAWHAR, Biro Agama dan Kebajikan JAWHAR, telah mengadakan jamuan Potluck bertujuan bagi membincangkan perancangan aktiviti-aktiviti sepanjang tahun 2015 mengikut biro.



LAPORAN TAHUNAN 2015

3. Kuiz Pengetahuan Agama Islam

Pada 20 Mac 2015 jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari bertempat di surau wanita Biro Agama dan Kebajikan telah mengadakan Kuiz Pengetahuan Agama Islam. Kuiz ini diketuai oleh Ketua Biro Agama iaitu Ustazah Hafizah Binti Abdul Shukor berserta dua AJK iaitu Cik Muzazila Binti Mustari dan Cik Saedah Binti Hussin. Para peserta dibahagi kepada 2 kumpulan. Para peserta dikehendaki menjawab semua soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ketua Biro. Hadiah-hadiah yang menarik juga telah disediakan kepada semua peserta.



4. Ceramah Sempena Israk dan Mikraj dan Ceramah Sempena Sambutan Bulan Ramadhan

Pada 28 Mei 2015, jam 9.00 pagi hingga 10.00 pagi bertempat di Bilik Gerakan JAWHAR, Biro Agama Puspanita bersama Kelab Kebajikan dan Sukan JAWHAR (KKSJ) telah menganjurkan ceramah sempena Israk dan Mikraj. Ustaz Muhamad Hapizi Bin Sulaiman dijemput bagi menyampaikan ceramah yang bertajuk Iktibar Israk dan Mikraj. Selain dari itu pada 23 Jun 2015, jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Gerakan JAWHAR Biro Agama Puspanita bersama KKSJ juga telah menjemput Ustaz Azhar Bin Tuarno bagi berkongsi ilmu sempena sambutan bulan Ramadan. Tajuk ceramah beliau ialah Jutawan Ramadan. Selain itu pada 26 Jun 2015, jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Gerakan Ustaz Haji Salleh Bin Samad juga telah dijemput bagi menyampaikan ceramah bertajuk Andai Ini Ramadan Terakhir. Pada 3 Julai 2015, jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Gerakan JAWHAR Biro Agama Puspanita bersama KKSJ juga telah menjemput Ustaz Nor Irwan Bin Zulkafli bagi menyampaikan ceramah bertajuk Nuzul Quran. Semua pegawai dan kakitangan JAWHAR telah hadir bagi sesi perkongsian ilmu ini.

5. **Tadarus Al-Quran Sepanjang Bulan Ramadan Kakitangan JAWHAR dan Majlis Khatam Al-Quran JAWHAR**

Bermula 18 Jun 2015 sehingga 2 Julai 2015, jam 9.00 hingga 10.00 pagi JAWHAR telah mengadakan Program Tadarus Al-Quran bagi memberkati bulan Ramadan. Tempat telah di bahagian mengikut kumpulan. Semua kakitangan turut serta bagi program yang dianjurkan ini. Kakitangan telah dibahagikan mengikut kumpulan.

Ketua bagi setiap kumpulan diberi tanggungjawab bagi membimbing kumpulan masing-masing sepanjang program ini. Selain itu, pada 2 Julai 2015 bersamaan 15 Ramadan 1436H jam 6.00 petang Majlis Khatam Al-Quran dan majlis berbuka puasa bersama semua kakitangan telah diadakan bertempat di Dataran JAWHAR.



Pegawai dan kakitangan JAWHAR sedang membaca doa khatam al-Quran



edit background dinding



Simbolik Penyerahan Bekas Telur Kepada YBhg. Datuk KP JAWHAR Sempena Majlis Khatam Al-Quran JAWHAR

LAPORAN TAHUNAN 2015

6. Majlis Tadarus & Khatam Al-Quran & Meraikan Bakal Hajjah Ahli Puspanita JPM Tahun 1436H/2015M

Pada 9 Julai 2015, jam 7.00 pagi hingga 1.00 tengah hari bertempat di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin Putrajaya Biro Agama Puspanita Cawangan JPM dan Puspanita Cawangan Kecil JAWHAR telah menganjurkan Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran & Meraikan Bakal Hajah. Tujuan majlis ini adalah untuk memberi motivasi dan penghargaan kepada ahli Puspanita yang bakal berlepas menunaikan ibadah haji pada tahun ini. Antara pengisian di dalam majlis ini ialah ceramah agama yang bertemakan ibadah haji yang bertajuk "Haji Mabruk Pelengkap Transformasi Kesempurnaan Insan". Tajuk ini dipilih bersesuaian dengan program kerana tujuan ceramah ini diadakan adalah untuk meraikan bakal Hajah ahli-ahli

Puspanita Cawangan JPM. Ceramah ini juga bertujuan untuk melengkapkan motivasi bagi mereka yang diandaikan sudah bersedia untuk melaksanakan ibadah tersebut dengan sempurna melalui kursus-kursus haji oleh pihak Lembaga Tabung Haji (LTH). Selain itu ceramah ini juga akan memberikan inspirasi kepada ahli Puspanita Cawangan JPM yang lain untuk bergegera menunaikan ibadah haji dan seterusnya mengimpikan haji yang mabruk.

7. Gotong – Royong Membersihkan Surau JAWHAR

Biro Agama juga telah merancang untuk mengadakan gotong royong bagi membersihkan Surau JAWHAR. Cadangan tarikh adalah pada 18 Disember 2015 jam 10.00 pagi.



Peserta JAWHAR dalam Majlis Tadarus PUSPANITA JPM



Peserta-peserta Majlis Tadarus Puspanita JPM bergabung dengan peserta-peserta daripada Kelab Mutiara



Ustaz Lukmanul Hakim pensyarah USIM memberi ceramah berkaitan haji



Peserta-peserta Majlis Meraikan Bakal Hajah Puspanita JPM sedang mendengar ceramah berkaitan Haji



Pemberian 'door gift' kepada peserta-peserta Majlis Tadarus dan Khatam al-Quran dan Majlis Meraikan Bakal Hajah Puspanita JPM

B. LAPORAN AKTIVITI BIRO PENDIDIKAN DAN SERANTAU

1. Lawatan Sambil Belajar Ke Kumpulan Media Karangkraf Sdn Bhd

Pada 21 April 2015, Biro Pendidikan dan Seranta telah mengadakan Program Lawatan Sambil Belajar Ke Kumpulan Media Karangkraf Sdn Bhd, Jalan Renggam 15/5, Shah Alam. Masa bertolak pada jam 8.00 pagi. Lawatan ini diadakan bagi memupuk sikap *esprit de corps* di kalangan warga JAWHAR dalam usaha menjadi sebuah organisasi yang kuat, bekerjasama dan bersatu padu. Matlamat program ini adalah untuk memupuk semangat membaca di kalangan warga Puspanita selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara ke arah menjayakan wawasan 2020. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada proses penerbitan buku, majalah dan surat khabar. Selain itu dapat mengetahui sejarah penubuhan Kumpulan Media Karangkraf dan dapat mempelajari dan menimba pengalaman yang lebih bermakna dan menarik.



2. Demo Pressure Cooker

Pada 24 April 2015 jam 12.30 tengahari Biro Pendidikan dan Seranta telah menjemput Puan Hazlina Hashim untuk memberi penerangan dan demo bagi pressure cooker kepada ahli Puspanita JAWHAR. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memudahkan dan mempercepatkan kerja-kerja memasak di rumah. Selain demo dan penerangan yang diberikan ahli Puspanita yang berminat juga berpeluang untuk membeli Pressure Cooker berkenaan.

c. LAPORAN AKTIVITI BIRO EKONOMI & KEUSAHAWANAN

1. Aktiviti Jualan Biro Ekonomi Dan Keusahawanan

Pada tahun 2015, Biro Ekonomi telah menjalankan beberapa aktiviti seperti menyewakan tapak jualan kepada peniaga bersempena JAWHAR Intellectual Discourse (JID) yang telah berlangsung pada 25 Mac 2015 di Auditorium EA, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya. Biro Ekonomi juga mengambil inisiatif dengan menyewakan tapak jualan kepada peniaga yang berbeza-beza seperti makanan, minuman, pakaian dan produk kesihatan setiap bulan dari sewaan ruang niaga di Kompleks E2, Putrajaya. Selain dari itu, Biro Ekonomi juga mengambil inisiatif dengan menjual buah-buahan dan keropok pada bulan Oktober dan November 2015. Dengan cara ini, dapat menambahkan pendapatan Puspanita JAWHAR.

LAPORAN TAHUNAN 2015

2. Kelas Masakan (Pembuatan Mee Kuning, Roti dan Pizza)



Pada 17 April 2015, jam 12.45 petang bertempat di Bilik Syura 2, JAWHAR Biro Ekonomi dan Keusahawanan juga telah menjemput Puan Norma untuk memberi penerangan dan demo bagi membuat mee kuning, roti dan pizza dengan menggunakan mesin falcon. Tujuan program ini diadakan adalah bagi memberi kemudahan kepada ahli puspanita tentang cara yang mudah dan cepat dalam pembuatan mee kuning, roti dan pizza. Selain dari ilmu dan demo yang diberikan, ahli puspanita yang berminat juga boleh membeli mesin berkenaan dengan bayaran secara ansuran.



D. LAPORAN AKTIVITI BIRO ICT

Pengemaskinian Maklumat Hebahani Di Laman Web Puspanita JAWHAR

Pengemaskinian maklumat pengumuman, gambar dan aktiviti yang dilaksanakan oleh biro-biro yang terlibat. Aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- a) Menambah baik laman web Puspanita JAWHAR
 - Mengadakan perbincangan bersama ahli Puspanita JAWHAR untuk mendapat pandangan/ idea bagi memurnikan lagi laman web Puspanita JAWHAR.
- b) Menyediakan tempat penyimpanan aktiviti Puspanita di Multimedia PC
 - Memberi kemudahan ruang untuk menyimpan gambar aktiviti setiap biro di multimedia komputer.

KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN JAWHAR (KKSJ)

AKTIVITI-AKTIVITI KKSJ SEPANJANG TAHUN 2015

1. Ceramah Sempena Maulidur Rasul 1436H

Urus setia : Kelab Kebajikan dan Sukan (KKSJ), PUSPANITA JAWHAR & UIKK.
 Tarikh : 16 Januari 2015
 Penceramah : Encik Mohd Sabri Bin Mat Yasim JAWI Cawangan Putrajaya
 Tajuk : "Maulidur Rasul"

2. Ceramah Sempena Sambutan Bulan Ramadhan

Urus setia : Kelab Kebajikan dan Sukan (KKSJ), PUSPANITA JAWHAR & UIKK
 Tarikh : 23 Jun 2015

- a. Penceramah : Ustaz Azhar Bin Tuarno
 Tajuk : Jutawan Ramadhan
 Tarikh : 23 Jun 2015
- b. Penceramah : Ustaz Haji Salleh Bin Samad
 Tajuk : Andai Ini Ramadhan Terakhir
 Tarikh : 26 Jun 2015
- c. Penceramah : Ustaz Nor Irwan Bin Zulkafli
 Tajuk : Nuzul Quran
 Tarikh : 3 Julai 2015

3. Lawatan Ukhuwah Ke Pusat Jagaan Rumah Anak - Anak Yatim Anjuran KKSJ Dan Puspanita Jawhar

Tempat:

- a. Rumah Amal Raudatul Jannah
- b. Olak Lempit dan rumah anak yatim
- c. Asnaf As-Solihin di Banting
- d. Pusat Jagaan Kanak-Kanak Yatim Muhamad Al-Fateh
- e. Rumah Bakti Al-Kausar

Tarikh : 1 Julai 2015
 Ulasan : Anjuran Puspanita JAWHAR dan KKSJ



LAPORAN TAHUNAN 2015

4. TADARUS AL-QURAN JAWHAR

Tempat : Bilik Gerakan, Bilik Syura, 1 dan 2, Surau Wanita dan Surau Lelaki.
Tarikh : 27 jun 2015 hingga 13 Julai 2015

5. CERAMAH PENERAPAN NILAI-MILAI ISLAM SEMPENA SAMBUTAN MA'AL HIJRAH TAHUN 1437H

Tempat : Bilik Gerakan, JAWHAR
Tarikh : 23 Oktober 2015
Urus setia : Kelab Kebajikan dan Sukan (KKSJ), PUSPANITA JAWHAR & UIKK.
Penceramah : Ustaz Iszam bin Padil, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, INTAN Bukit
Tajuk : "Penghayatan Hijrah Memacu Integriti Insan"

6. CERAMAH PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM

Tempat : Bilik Gerakan, JAWHAR
Tarikh : 23 November 2015
Urus setia : Kelab Kebajikan dan Sukan (KKSJ), PUSPANITA JAWHAR & UIKK.

Penceramah : Tuan Haji Abdul Karim bin Omar (Felo Kanan, IKSIM)
Tajuk : "ANCAMAN-ANCAMAN KEPADA KEDAULATAN AGAMA NEGARA"

Penceramah : YM Engku Ahmad Fadzli bin Engku Ali (Felo Kanan, IKSIM)
Tajuk : "DAULATKAN ISLAM AGAMA NEGARA"

7. MAJLIS HARI BERSAMA KETUA PENGARAH JAWHAR JUN &IFTAR RAMADHAN 2015

Tempat : Dataran JAWHAR
Tarikh : 30 Jun 2015

8. MAJLIS HARI BERSAMA KETUA PENGARAH JAWHAR JULAI & MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI 2015

Tempat : Dataran JAWHAR
Tarikh : 31 Julai 2015

9. PERLAWANAN PERSAHABATAN FUTSAL ANTARA JABATAN WAKAF DAN HAJI (JAWHAR) DAN YAYASAN WAKAF MALAYSIA (YWM)


Tempat : Gelanggang Futsal Uptown Sports Bangi
Tarikh : 23 Oktober 2015

10. PERTANDINGAN BOWLING TERTUTUP JAWHAR ANJURAN KKSJ 2015.

Tempat : Wangsa Bowl, IOI City Mall Putrajaya
Tarikh : 10 November 2015

LAPORAN TAHUNAN 2015

CARTA ORGANISASI KELAB KEBAJIKAN SOSIAL DAN SUKAN JAWHAR



TETAMU JAWHAR

JAWHAR telah menerima kunjungan pelawat antarabangsa dan tempatan sepanjang 2015. Kunjungan dan lawatan ini memberi peluang untuk JAWHAR menjalinkan kerjasama, perkongsian pengalaman, mengukuhkan silaturahim serta bertukar-tukar pendapat dan kepakaran seperti berikut:

Tetamu Luar Negara

| SAMBUTAN TETAMU DARI LUAR NEGARA | | | |
|----------------------------------|---|-----------|------------------|
| BIL | DELEGASI | TARIKH | TUJUAN |
| 1 | Pusat Muslimat Nahdatul Ulama Indonesia | 17/4/2015 | Kunjungan Hormat |
| 2 | Libya Malaysia Da'wah Islamiah Fund | 30/4/2015 | Kunjungan Hormat |
| 3 | Islamic Development Bank Jeddah (IDB) | 28/1/2015 | Kunjungan Hormat |
| 4 | Libya Malaysia Da'wah Islamiah Fund | 30/4/2015 | Kunjungan Hormat |

1. Kunjungan Hormat daripada Pusat Muslimat Nahdatul Ulama Indonesia




2. Kunjungan hormat daripada Libya Malaysia Da'wah Islamiah Fund



3. Kunjungan Hormat Islamic Development Bank Jeddah (IDB)



*Kunjungan Hormat Awqaf New Zealand dan Awqaf Dubai



LAPORAN TAHUNAN 2015

SAMBUTAN TETAMU DARI DALAM NEGARA

| BIL | DELEGASI | TARIKH | TUJUAN |
|-----|---|------------|------------------------|
| 1 | YB. Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, Timbalan Menteri (Hal Ehwal Agama) Jabatan Perdana Menteri | 20/8/2015 | Kunjungan Hormat |
| 2 | YBhg. Dato' Yatimah binti Sarjiman, TKSUK Kewangan dan Perolehan | 12/3/2015 | Kunjungan Hormat |
| 3 | Wakil Aman Palestine | 10/4/2015 | Kunjungan Hormat |
| 4 | YBhg. Dato' Bakhtiar bin Hussin, Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor | 18/6/2015 | Kunjungan Hormat |
| 5 | Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) | | Lawatan Kerja |
| 6 | Politeknik Ungku Omar Ipoh, Perak | 17/3/2015 | Lawatan Sambil belajar |
| 7 | Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) | 5/5/2015 | Kunjungan Mahabbah |
| 8 | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia | 13/11/2015 | Lawatan sambil belajar |
| 9 | Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ) | 2/10/2015 | Lawatan Kerja |

1. Kunjungan Hormat YB. Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, Timbalan Menteri (Hal Ehwal Agama) Jabatan Perdana Menteri ke JAWHAR



LAPORAN TAHUNAN 2015

2. Kunjungan hormat YBhg. Dato' Yatimah binti Sarjiman, TKSUK Kewangan dan Perolehan ke JAWHAR



3. Kunjungan Hormat oleh Wakil Aman Palestine



4. Kunjungan hormat YBhg. Dato' Bakhtiar bin Hussin, Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor



LAPORAN TAHUNAN 2015

5. Kunjungan hormat tetamu dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



6. Politeknik Ungku Omar Ipoh, Perak



7. Lawatan kerja dari Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)



LAPORAN TAHUNAN 2015

8. Lawatan sambil belajar dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)




9. Lawatan kerja dari Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ)



LAPORAN TAHUNAN 2015

PENERBITAN



LAPORAN TAHUNAN 2015

PERISTIWA 2015

INFORMASI MEDIA JAWHAR

JAWHAR, MAIN bangun portal elak penderma tertipu

Maklumat untuk seluruh pengguna khawatir agar sampai ke sasaran

P

Mentransformasi Baitulmal mantapkan ekonomi ummah

Inisiatif perlisikan urus bantuan terbaik, pembangunan modal insan singkat dan segera

B

Setempat

Tipu upah haji

JAWHAR pantau pihak tawar kadar rendah melalui poster pada pokok

Ghafur Muhammad Apandi

32 AGAMA

33 AGAMA

12 NASIONAL

BH 14 NOVEMBER 2015 • HARIAN
EDISI MINGGU SINDANGAN NELAYAN JOMBAK

JAWHAR bangun tanah wakaf terbiar

Kerjasama bina pangaspuri lima tingkat Masjid Taman Perlindungan

Laporan K. Azzam Hassan

NASIONAL • 31

PTNJ kumpul data habitat hidupan marin

Pelabuhan Terengganu Negara Edar (PTNJ) akan mengumpulkan maklumat tentang habitat dan biota hidupan marin di Terengganu untuk mendekati dan memahami maklumat tentang habitat satuan pelabuhan dan pantai yang tersedia di negeri ini.

Pergerakan literatur dan maklumat tentang habitat hidupan marin di Terengganu masih belum banyak dilakukan oleh ahli pengetahuan dan ahli pelajar. Maka itu, PTNJ akan merancang dan mewujudkan maklumat tentang habitat hidupan marin di Terengganu.

Abdul Radzi bin Mohd Radzi adalah ahli pengetahuan dan ahli pelajar yang aktif dalam bidang pengetahuan tentang habitat hidupan marin di Terengganu.

Kempen kesedaran tangani kes tipu pakej umrah

IPOH — Kejadian penipuan pakej umrah pernah dibendung bila jumlahnya berkurangan pada 2014 berbanding tahun sebelumnya.

Exco Kerajaan Negeri, Datuk Dr Asihin Mohammed Rodzi berkata, pada 2013, walaupun 730 kes penipuan pakej umrah dicatat dengan jumlah tunutan bersifat lebih RM4 juta berbanding yang menurun kepada 605 kes dengan nilai RM39 juta.

Menurutnya, setakat ini, kes diterima membabitkan 438 dengan nilai RM2 juta dengan negara Perak mempunyai 118 kes berjemaah hampir sebanyak juta ringgit.

"Jika kita lihat dari segi statistik ini ia sesuai yang membimbangkan kerana belum ada penipuan pakej umrah pada tahun 2013 ini," sebutnya.

Hadir semasa Setiausaha Bahagian Pelepasan Pelancongan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Aan Abdul Rahim.

Noor Adilin berkata, kerajaan merupakan satu inisiatif bukti untuk memberi kesedaran mengenai penipuan pakej umrah.

"Kita harap walaupun ini pengguna atau orang ramai koh berhati-hati dan tidak mudah tertipu dengan tawaran pakej umrah yang murah dan ditentatkan untuk agensi pelancongan," katanya.

Kempen Kesedaran Mengenal Perkara Pakej Umrah/Ziarah dan Hak Keperguruan tahun 2015 merupakan inisiatif Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bagi membeli kehadiran awan tentang penipuan pakej umrah yang semakin berdebaran.

JAWHAR anjur program Konvoi Kembara Zakat

NEW SABAH TIMES 20/11/2015 11:33:11



LANCARAN... Muhibbin Arifin ketika melancarkan Konvoi Kembara Zakat di Masjid Negeri.



CENDERA KEHARJAHAN... Anam Diga dari kiri menyampaikan cenderahati kepada Muhibbin Arifin.

KOTA KINABALU: Jelata Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), Jantau Putra Sabah, mengadakan Konvoi Kembara Zakat di Masjid Negeri, yang bertujuan untuk sambutan dan sumbangan bersama.

Menurut Ketua Pengurusan (JAWHAR), Datuk Hajji Asri Bin Md. Yusof yang Ketua Komuniti dan Organisasi Zakat (KOKOZ) Sabah, konvoi ini akan berlangsung selama dua hari mulai hari ini hingga 'Aj Basikal Kembara Zakat Sabah'.

Konvoi Kembara Zakat Sabah merupakan program yang dilaksanakan Jelata Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), Majlis Agama Islam dan Ulama (MAIUL) dan Persatuan Ahli Persekutuan Sabah (PAIPS) Sabah dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri (MAIZN) dan agensi zakat sekitar negeri Sabah dan Sarawak hingga ke negeri Perak (SAB).

Digagas berasa di Kota Kinabalu, konvoi ini akan bersempadan dengan Kota Marudu serta mencapai Kg. Tambang, Sungai Lut sebagai lokasi utama program bersempadan.

Konvoi Kembara Zakat Sabah diharap dapat memberi realiti dan bukti kepada para pengembara empat roda, masyarakat, media pelapuran dan para ahli yang sedang disempurnakan Petrusus, Menteri Kewajipan Kira, Menteri Kebudayaan dan Muda dan Ahli Parlimen Kg. Tambang, Negeri Sabah Kudat.

Pengerusi konvoi yang teliti dan juga seorang ahli politik mengajak PUSPM seperti petugas beruniform. Sekitar tujuh puluh orang ahli dan komuniti, konvoi ini turut melalui Kg. ITEN Kudat.

Pada hari pertama, peserta punya konvoi mengambil menggunakan Program Pecah Tapis.



CERAMAH... Anam Diga menyampaikan kart replika Cek RM35,000.00 kepada Pengurusan Masjid Kg. Katupang Ranau Daru Pusat Kembara Kg. Katupang.



PAPAN TANDA... Anam Diga dari kiri menyampaikan papan tandas kepada Muhibbin Arifin.

PENYANDANG KETUA PENGARAH JAWHAR



Datuk Haji Anan bin C Mohd
(7 Mei 2011- kini)



Allahyarham Dato' Dr. Hj. Sohaimi
bin Hj. Mohd Salleh
(7 Mei 2007 – 6 Mei 2011)



Hj. Mohd Zakri bin Hj. Hussin
(1 Julai 2005- 4 Mei 2007)



Allahyarham Dr. Ahmad Shah bin Mohd Nor
(1 Ogos 2004- Julai 2005)